

## **BAB V**

### **HUBUNGAN SOSIAL**

#### **5.0 PENGENALAN**

Orang-orang Melayu Brunei di KSK, selain mempunyai hubungan ekonomi, mereka juga menjalinkan hubungan sosial dengan orang-orang Melayu Brunei di KABD. Hubungan sosial ini terjalin kerana orang-orang Melayu Brunei di kedua kampung air tersebut mempunyai ikatan kekeluargaan sama ada melalui pertalian darah atau perkahwinan. Dengan yang demikian, hubungan persaudaraan di antara orang-orang Melayu Brunei di kedua kampung air tersebut adalah "bagaikan aur dengan tebing".

Pada masa kini, seramai 142 orang (95%) ketua keluarga di KSK yang terdiri daripada orang-orang Melayu Brunei mempunyai saudara-mara di Negara Brunei Darussalam. Daripada jumlah dan peratusan tersebut, seramai 141 orang (99%) ketua keluarga mempunyai saudara-mara yang menetap di KABD. Perangkaan ini menunjukkan, walaupun majoriti orang Melayu Brunei di KSK dilahirkan di daerah Limbang, mereka masih mempunyai saudara-mara yang menetap di KABD.

Hubungan persaudaraan yang terjalin erat di antara orang-orang Melayu Brunei di kedua kampung air di atas dapat

digambarkan melalui kenyataan Hj. Abdullah Tangah sebagaimana di bawah:

"Itu kalau anda kanal bukan orang Limbang, kalau orang Limbang memang semua kanal. Kalau orang Brunei kanal orang Limbang. Kalau orang Limbang memang saudaranya di Brunei. Kami sini sabab Limbang dangan Brunei kan dakat bah, macam aku, aku satu orang sajak tinggal di Limbang, tiga orang di Brunei aku punya adik-beradik. Aku pun baru pulang dari Brunei, aku punya kakak pegi naik aji."<sup>1</sup>

Terjemahan:

"Kalau tidak kenal orang Brunei mereka bukanlah orang Limbang, kerana orang Limbang mengenali ramai saudara-mara mereka yang tinggal di Brunei. Begitu juga orang Brunei, ramai yang mengenali saudara-mara mereka di Limbang. Oleh kerana Limbang dan Brunei sangat berhampiran, seperti saya, saya seorang sahaja yang tinggal di Limbang, tiga orang adik-beradik saya menetap di Brunei. Saya pun baru pulang dari Brunei kerana menghantar kakak saya pergi menuaikan fardhu haji."

Hubungan persaudaraan yang akrab sepetimana di atas, menyebabkan budaya dan cara hidup orang-orang Melayu Brunei KSK lebih mirip kepada budaya dan cara hidup saudara-mara mereka di KABD. Oleh kerana kedudukan KABD terletak di Bandar Seri Begawan yang merupakan pusat bandar Negara Brunei Darussalam, budaya dan cara hidup orang-orang Melayu Brunei KABD dianggap lebih maju dan moden oleh orang-orang Melayu Brunei KSK. Tanggapan tersebut menyebabkan budaya dan cara hidup orang-orang Melayu Brunei KABD menjadi ikutan atau lebih tepat menjadi suri teladan kepada orang-orang Melayu Brunei KSK. Budaya dan cara hidup orang-orang Melayu Brunei KABD diikuti sama ada di

peringkat individu atau masyarakat. Di peringkat individu ia dapat dilihat melalui perhiasan diri dan rumah orang-orang Melayu Brunei KSK. Manakala di peringkat masyarakat ia dapat dilihat dalam majlis-majlis tertentu yang menunjukkan persamaan budaya antara orang-orang Melayu Brunei di KSK dan KABD.

Bagi memaparkan realiti hubungan sosial orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD, penulisan dalam bab ini akan membincangkan hubungan kekeluargaan yang ditinjau dari aspek amalan berziarah, amalan memberi buah tangan, hubungan perkahwinan, hiburan, majlis kenduri, kegiatan agama dan aktiviti masa lapang. Bahagian akhir penulisan ini akan meneliti kesan hubungan sosial penduduk di kedua kampung air di atas terhadap cara hidup orang-orang Melayu Brunei KSK.

### **5.1 MENZIARAHİ SAUDARA-MARA**

Menziarahi saudara-mara khususnya kaum keluarga terdekat sentiasa dititikberatkan dalam masyarakat Melayu Brunei di KSK dan KABD. Secara umum, orang-orang Melayu Brunei KSK saling ziarah-menziarahi di antara satu sama lain dengan saudara-mara mereka di KABD. Bagi orang-orang Melayu Brunei, amalan menziarahi saudara-mara bukan sahaja bertujuan untuk mengeratkan hubungan sillaturrahim sesama mereka, malah ia dilakukan bagi memenuhi tuntutan agama Islam yang dianutti.

Kekerapan menziarahi saudara-mara di antara orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD dapat dilihat dalam Jadual 5.0. Perangkaan dalam Jadual tersebut menunjukkan, kekerapan orang-orang Melayu Brunei KSK berziarah ke rumah saudara-mara di KABD dan kekerapan mereka menerima kunjungan saudara-mara tersebut adalah sama. Ini menunjukkan kedua-dua belah pihak saling memelihara dan menghormati hubungan persaudaraan di antara mereka dengan membalaikunjungan saudara-mara yang datang berziarah.

Setelah diteliti, sebanyak 80% orang-orang Melayu Brunei KSK mempunyai kekerapan berziarah ke rumah saudara-mara di KABD antara 10 hingga 12 kali setahun. Ini bermakna secara purata mereka berkunjung ke rumah saudara-mara sekali dalam sebulan.

Amalan berziarah ke rumah saudara-mara di antara orang-orang Melayu Brunei di kedua kampung air di atas turut dirangsang oleh perkembangan sistem pengangkutan awam sama ada jalan air atau jalan darat yang menghubungkan Bandar Limbang dengan Bandar Seri Bangsawan. Walau bagaimanapun sebilangan besar orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD lebih gemar melalui jalan air menggunakan bot berenjin sangkut. Mereka berulang-alik tanpa membawa pasport atau sebarang dokumen perjalanan yang sah. Perangkaan tentang cara orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD berkunjung ke rumah saudara-mara ditunjukkan dalam Jadual 5.1.

**Jadual 5.0: Kekerapan Berziarah Ke Rumah Saudara-mara Dalam Setahun**

Kekerapan	A		B	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
1 Hingga 3 Kali	1	0.7	1	0.7
4 Hingga 6 Kali	4	2.7	4	2.7
7 Hingga 9 Kali	11	7.3	11	7.3
10 Hingga 12 Kali	120	80.0	120	80.0
13 Hingga 15 Kali	4	2.7	4	2.7
16 Hingga 18 Kali	0	0	0	0
19 Hingga 21 Kali	0	0	0	0
22 Hingga 24 Kali	2	1.3	2	1.3
Tiada Saudara-Mara Di Brunei	8	5.3	8	5.3
Jumlah	150	100	150	100

A = Jumlah Ketua Keluarga Berziarah Ke Rumah Saudara-mara Di KABD  
 B = Jumlah Ketua Keluarga Menerima Kunjungan Saudara-mara Dari KABD

**Jadual 5.1: Cara Berkunjung Ke Rumah Saudara-mara**

Cara Berkunjung	A		B	
	Jum.	%	Jum.	%
Jalan Darat Dengan Pasport	10	6.7	10	6.7
Jalan Air Dengan Pasport	3	2.0	3	2.0
Jalan Air Tanpa Pasport	103	68.7	103	68.7
Jalan Darat dan Air Dengan Pasport	1	0.7	1	0.7
Jalan Darat Dengan Pasport dan Jalan Air Tanpa Pasport	25	16.7	25	16.7
Tiada Saudara-mara Di Brunei	8	5.3	8	5.3
Jumlah	150	100	150	100

A = Jumlah Ketua Keluarga Berziarah Ke Rumah Saudara-mara Di KABD

B = Jumlah Ketua Keluarga Menerima Kunjungan Saudara-mara Dari KABD

Berdasarkan Jadual di atas, didapati sebanyak 68.7% ketua keluarga di KSK melalui jalan air tanpa menggunakan pasport atau dokumen perjalanan yang sah untuk berkunjung ke rumah saudara-mara di KABD. Saudara-mara mereka dari KABD juga menggunakan cara yang sama semasa melawat ketua keluarga di KSK. Sementara itu, didapati sebanyak 16.7% ketua keluarga melalui jalan air tanpa pasport atau dokumen perjalanan yang sah tetapi mereka akan membawa pasport atau dokumen berkenaan apabila melalui jalan darat. Begitu juga saudara-mara mereka dari KABD apabila berkunjung ke rumah ketua keluarga di KSK. Hal ini terjadi kerana mereka lebih senang menggunakan jalan air disebabkan tidak perlu berurusan dengan pihak kastam dan juga imigresen untuk berulang-alik. Tambahan pula mereka kerap berulang-alik menyebabkan muka surat pasport cepat habis digunakan dan terpaksa diganti dengan yang baru.

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab lepas, untuk berulang-alik penduduk di kedua kampung air di atas boleh menaiki bot penumpang atau bot panjang yang menawarkan perkhidmatan menghantar penumpang di antara Bandar Limbang dengan Bandar Seri Begawan. Oleh kerana sebilangan besar orang Melayu Brunei KSK memiliki bot sendiri, mereka juga menggunakan bot tersebut untuk berziarah ke rumah saudara-mara di KABD. Masa perjalanan ke KABD dilakukan pada sebelah siang. Ini kerana pada waktu siang perjalanan lebih mudah dan selamat berikutan

kebanyakan bot tidak mempunyai lampu khusus serta tidak dilengkapi dengan alat keselamatan.

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, berulang-alik dengan menggunakan bot enjin sangkut milik sendiri tanpa pasport atau dokumen perjalanan yang sah lebih digemari kerana mereka tidak perlu melalui prosedur kastam dan imigresen. Hal ini berhubung rapat dengan kedudukan Dermaga Kastam Limbang yang terletak di tebing sungai berhadapan KSK, manakala Dermaga Kastam Brunei terletak di tebing muara Sungai Brunei bertentangan KABD. Kedudukan yang sedemikian membolehkan orang-orang Melayu Brunei yang berulang-alik di antara KSK dan KABD menggunakan bot enjin sangkut milik sendiri tanpa perlu mengikut dermaga-dermaga kastam tersebut. Bot-bot enjin sangkut ini akan terus menuju ke jeti kayu atau titi di hadapan rumah saudara-mara masing-masing. Menurut En. Ali Hj. Ibrahim, oleh kerana bot-bot enjin sangkut di KSK dan KABD mempunyai ciri-ciri yang sama, kehadiran mereka biasanya tidak dikesan oleh pihak berkuasa.<sup>2</sup>

Secara umum, amalan berziarah ke rumah saudara-mara melibatkan seluruh ahli dalam sesebuah keluarga orang-orang Melayu Brunei di KSK. Bagaimanapun dalam sesebuah keluarga terdapat individu-individu yang lebih kerap berziarah ke rumah saudara-mara di KABD. Secara keseluruhan sebanyak 94% ketua keluarga dan isteri mereka merupakan individu dalam keluarga yang paling kerap berkunjung ke rumah saudara-mara di KABD. Sementara itu, individu

kedua adalah ibu bapa mereka sebanyak 81%, ketiga anak lelaki dan perempuan sebanyak 77%, dan ibu bapa mentua sebanyak 72%. Peratusan tersebut jelas menunjukkan bahawa individu yang paling kerap berziarah ke rumah saudara-mara di KABD adalah terdiri daripada anggota keluarga terdekat.

Sebagai tanda ingatan, amalan biasa orang-orang Melayu Brunei semasa berziarah ke rumah saudara-mara adalah membawa buah tangan. Buah tangan dibawa sebagai suatu pemberian yang dapat memberi kegembiraan kepada tuan rumah dan ahli keluarganya serta bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara mereka. Hal ini ada kaitannya dengan amalan yang digalakkan oleh Islam.

Pada masa kini, jenis buah tangan yang lumrah dibawa apabila berziarah ke rumah saudara-mara terdiri daripada barang makanan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2. Peratusan tertinggi dari segi jenis buah tangan yang dibawa adalah buah-buahan tempatan dan udang iaitu sebanyak 63.3%. Setelah dihitung, daripada keseluruhan ketua keluarga didapati sebanyak 83.3% ketua keluarga di KSK membawa buah-buahan tempatan sebagai buah tangan ketika berziarah ke rumah saudara-mara di KABD. Manakala sebanyak 76.7% ketua keluarga membawa udang sebagai buah tangan.

Di pihak saudara-mara dari KABD pula, buah tangan yang lumrah dibawa ketika menziarahi ketua keluarga di KSK terdiri

**Jadual 5.2: Buah Tangan Yang Dibawa Ketika Berziarah Ke Rumah Saudara-mara**

Buah Tangan Yang Dibawa Ketua Keluarga Semasa Berziarah Ke Rumah Saudara-mara Di KABD	Jumlah	Peratus
Buah Tempatan dan Udang	95	63.3
Buah Tempatan dan Sayuran	7	4.7
Udang dan Sayuran	6	4.0
Buah Tempatan dan Kuih Kering	5	3.3
Buah Tempatan, Udang, Sayuran dan Kuih Kering	5	3.3
Buah Tempatan	4	2.7
Buah Tempatan, Udang dan Kuih Kering	4	2.7
Buah Tempatan, Sayuran dan Kuih Kering	4	2.7
Udang	3	2.0
Sayuran	3	2.0
Kuih Kering	2	1.3
Sayuran dan Kuih Kering	2	1.3
Buah Tempatan, Udang dan Sayuran	1	0.7
Udang dan Kuih Kering	1	0.7
Tiada Saudara-mara Di Brunei	8	5.3
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100</b>
Buah Tangan Yang Diterima Ketua Keluarga Semasa Saudara-mara Dari KABD Datang Berziarah	Jumlah	Peratus
Buah Import dan Beras Wangi	94	62.7
Buah Import	5	3.3
Cenderahati	5	3.3
Buah Import, Beras Wangi dan Cenderahati	5	3.3
Buah Import, Beras Wangi, Kuih Kering dan Cenderahati	5	3.3
Buah Import dan Kuih Kering	4	2.7
Buah Import dan Cenderahati	4	2.7
Beras Wangi dan Cenderahati	4	2.7
Buah Import, Kuih Kering dan Cenderahati	4	2.7
Kuih Kering	3	2.0
Beras Wangi dan Kuih Kering	3	2.0
Beras Wangi	2	1.3
Buah Import, Beras Wangi dan Kuih Kering	2	1.3
Kuih Kering dan Cenderahati	2	1.3
Tiada Saudara-mara Di Brunei	8	5.3
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100</b>

daripada buah-buahan import dan beras wangi. Ini terbukti apabila didapati sebanyak 62.7% ketua keluarga menerima buah-buahan import dan beras wangi sebagai buah tangan dari saudara-mara di KABD yang berziarah ke rumah mereka. Dikira daripada keseluruhan ketua keluarga, mereka yang menerima buah tangan berbentuk buah-buahan import dari saudara-mara di KABD yang datang berziarah adalah sebanyak 82%. Manakala mereka yang menerima beras wangi sebagai buah tangan adalah sebanyak 76.7%.

Selain membawa buah tangan, satu perkara lumrah yang dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei KSK semasa berziarah ke rumah saudara-mara di KABD adalah memberi sedekah wang ringgit kepada anak-anak tuan rumah yang belum dewasa. Perkara yang sama juga dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei KABD apabila berkunjung ke rumah ketua keluarga di KSK. Secara umumnya sedekah wang ringgit tersebut adalah dalam bentuk Dollar Brunei.

## **5.2 MASA BERZIARAH**

Berziarah ke rumah saudara-mara dilakukan mengikut suasana atau sesuatu sebab sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.3. Berdasarkan perangkaan tersebut, orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD saling ziarah-menziarahi di antara satu sama lain pada Hari Raya Aidil Fitri, Hari Raya Aidil Adha, majlis perkahwinan, majlis kenduri-kendara, saudara-mara sedang mendapat

**Jadual 5.3: Masa Berziarah Ke Rumah Saudara-mara**

Masa Berziarah	A1		A2		B1		B2	
	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%
Hari Raya Aidilfitri	141	94.0	9	6.0	141	94.0	9	6.0
Hari Raya Haji	141	94.0	9	6.0	141	94.0	9	6.0
Cuti Sekolah	96	64.0	54	36.0	113	75.3	37	24.7
Hujung Minggu	105	70.0	45	30.0	128	85.3	22	14.7
Hari Kelepasan Am	80	53.3	70	46.7	128	85.3	22	14.7
Menghadiri Majlis Perkahwinan	141	94.0	9	6.0	141	94.0	9	6.0
Menghadiri Majlis Kenduri-kendara	141	94.0	9	6.0	141	94.0	9	6.0
Saudara-mara Dalam Keuzuran/Kemalilan	141	94.0	9	6.0	141	94.0	9	6.0
Saudara-mara Hendak Naik Haji	141	94.0	9	6.0	141	94.0	9	6.0

A1 = Jumlah Ketua Keluarga Berziarah Ke Rumah Saudara-mara Di KABD

A2 = Jumlah Ketua Keluarga Tidak Berziarah Ke Rumah Saudara-mara Di KABD

B1 = Jumlah Ketua Keluarga Menerima Kunjungan Saudara-mara Dari KABD

B2 = Jumlah Ketua Keluarga Tidak Menerima Kunjungan Saudara-mara Dari KABD

keuzuran atau kematian dan ketika saudara-mara hendak pergi menunaikan fardhu haji. Selain itu, ia juga dilakukan pada masa cuti sekolah, cuti hujung minggu dan cuti hari kelepasan am.

Setelah diamati pada hari-hari cuti tersebut didapati lebih ramai saudara-mara dari KABD yang datang berziarah ke rumah saudara-mara di KSK. Ini kerana pada hari-hari cuti berkenaan sebilangan besar orang-orang Melayu Brunei dari KABD akan datang ke Bandar Limbang untuk membeli-belah. Kebiasaannya setelah selesai membeli-belah, mereka akan menziarahi rumah saudara-mara di KSK terlebih dahulu sebelum pulang ke KABD. Hal ini terjadi kerana kedudukan KSK sangat berhampiran dengan Pasar Tamu Limbang dan sebilangan besar mereka menggunakan jalan air. Dalam hal ini, mereka tidak berada lama di rumah saudara-mara kerana mereka hanya singgah sebentar untuk bertanya khabar sambil berehat dan berbual pendek dengan tuan rumah.

Ketika menyambut Hari Raya Aidil Fitri, berziarah ke rumah saudara-mara dilakukan sepanjang bulan Syawal. Orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD seperti juga sebilangan besar masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia, mereka meraikan perayaan Aidilfitri selama sebulan. Pada bulan ini, penduduk di kedua kampung air tersebut saling kunjung-mengunjung di antara satu sama lain.

Pada Hari Raya Aidilfitri, mengunjungi rumah saudara-mara di KABD biasanya dilakukan secara berkumpulan. Kumpulan ini

berziarah ke rumah saudara-mara di KABD sambil mengalunkan irama zikir yang diberi nama ‘Zikir Assalai’. Kumpulan zikir dari KSK akan mengunjungi rumah saudara-mara bermula pada hari raya yang ketujuh. Di KABD, hampir kesemua rumah orang-orang yang mereka kenali akan dikunjungi.

Kunjungan kumpulan zikir dari KSK ke KABD akan dibalas oleh orang-orang Melayu Brunei KABD. Kumpulan zikir dari KABD mengadakan kunjungan balas selang beberapa hari selepas mereka menerima kunjungan kumpulan zikir dari KSK. Perlu dijelaskan, di kedua-dua kampung air tersebut kumpulan zikir akan mengadakan aktiviti berziarah ke rumah saudara-mara sehingga jam 3.00 pagi.

Berziarah ke rumah saudara-mara ketika menyambut Hari Raya Aidil Adha dilakukan pada hari raya pertama sahaja atau selebih-lebihnya hingga hari kedua. Keadaan ini berbeza dengan masyarakat Melayu di kebanyakan negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang lebih meraikan Hari Raya Aidil Adha berbanding Hari Raya Adidil Fitri. Pada Hari Raya Aidil Adha, sebilangan besar orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD mengadakan majlis kenduri arwah dan doa selamat. Dengan demikian mereka berziarah ke rumah saudara-mara pada hari tersebut untuk menghadiri majlis kenduri berkenaan.

Majlis kenduri arwah dan doa selamat tersebut sebilangannya dilakukan oleh penduduk kampung yang hendak

melakukan ibadah korban. Haiwan korban terdiri daripada kerbau, lembu dan kambing. Haiwan-haiwan ini dibeli dari penternak-penternak haiwan tersebut di daerah Limbang. Orang-orang Melayu Brunei KSK melakukan ibadah korban tersebut di perkarangan Masjid Jamek Bandar Limbang.

Penyembelihan haiwan korban dilakukan oleh pemimpin-pemimpin agama di masjid berkenaan iaitu Imam, Khatib, Bilal atau Tok Siak. Selepas disembelih, haiwan korban tersebut dilapah secara bergotong-royong oleh jiran sekampung termasuk saudara-mara yang datang dari KABD. Seorang atau dua orang daripada mereka yang bergotong-royong akan membahagi-bahagikan daging korban tersebut kepada penduduk kampung.

Keadaan di atas berbeza dengan ibadah korban yang dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei di KABD. Penyembelihan haiwan korban di KABD dilakukan di rumah sembelihan. Urusan untuk melapah dan membahagi-bahagi haiwan korban tersebut dilakukan oleh orang-orang yang dipertanggungjawabkan di rumah sembelihan berkenaan. Orang-orang Melayu Brunei KABD turut membahagi-bahagikan daging korban mereka kepada saudara-mara yang tinggal di KSK.

Ketika menziarahi saudara-mara yang sedang sakit atau kematian ahli keluarga, mereka memperlihatkan satu suasana kesedihan sebagai tanda simpati atau turut berduukacita. Berziarah ke rumah orang yang sedang sakit dilakukan kerap kali sehingga orang

yang sakit tersebut benar-benar sihat atau sembuh. Satu perkara yang lumrah dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD adalah memberi sumbangan kepada keluarga saudara-mara yang sedang sakit. Sebanyak 78.7% ketua keluarga memberi sumbangan kepada saudara-mara yang sedang sakit berbentuk wang ringgit dan barang-barang dapur. Selebihnya sebanyak 14.7% hanya memberi sumbangan wang ringgit dan 1.3% memberi sumbangan barang-barang dapur sahaja.

Selain membawa buah tangan, mereka turut membantu dalam mencari ubat-ubatan atau membawa bersama orang-orang yang boleh mengubati orang yang sakit. Antaranya termasuklah doktor, bomoh, pawang dan individu yang diyakini boleh mengubati penyakit yang dideritai pesakit. Dalam hal-hal tertentu, mereka akan membawa orang yang sakit ke hospital, klinik atau pusat-pusat perubatan sama ada kerajaan atau swasta di Bandar Limbang atau di Bandar Seri Begawan.

Sekiranya berlaku kematian, saudara-mara yang hadir akan membuat pungutan derma untuk membantu keluarga si mati. Di KSK, selepas upacara pengkebumian jenazah selesai dilaksanakan, saudara-mara yang hadir akan membantu keluarga si mati mengadakan majlis kenduri arwah. Kenduri arwah dilakukan selama tujuh malam berturut-turut. Amalan kenduri arwah di kalangan masyarakat Melayu Brunei KSK sama sebagaimana yang dilakukan oleh saudara-mara mereka di KABD.

Masyarakat Melayu Brunei sangat menghargai kedatangan dan bantuan yang dihulurkan oleh saudara-mara terutamanya ketika mengadakan majlis kenduri-kendara. Sebagai tanda terima kasih, semasa saudara-mara hendak pulang, tuan rumah akan memberi bungkusan lauk-pauk dan kuih-muih untuk dibawa bersama. Dalam hal kematian pula, saudara-mara yang membantu memandikan jenazah akan menerima hadiah berupa sejadarah, kain pelekat, songkok dan al-Quran. Bagi kaum wanita pula menerima sejadarah, kain batik, telekong dan al-Quran. Ini amat baik kepada mereka yang menerima hadiah, tetapi boleh mendatangkan kesusahan kepada orang yang baru sahaja kematian salah seorang ahli keluarganya.

### **5.3           MENGINAP DI RUMAH SAUDARA-MARA**

Oleh kerana orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD secara purata menziarahi saudara-mara sebulan sekali, satu perkara yang lumrah dilakukan adalah menginap di rumah saudara-mara berkenaan. Bilangan hari menginap di rumah saudara-mara dalam sekali berziarah ditunjukkan dalam Jadual 5.4. Perangkaan dalam Jadual tersebut menunjukkan bilangan hari menginap di rumah saudara-mara dalam sekali berziarah bagi kedua-dua belah pihak adalah sama. Rata-rata penduduk KSK menginap di rumah saudara-mara mereka di KABD sekurang-kurangnya dua malam. Begitu juga

**Jadual 5.4: Bilangan Hari Menginap Di Rumah Saudara-mara Dalam Sekali Berziarah**

Bilangan Hari Menginap	A		B	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Satu Malam	11	7.3	11	7.3
Dua Malam	125	83.3	125	83.3
Tiga Malam	3	2.0	3	2.0
Empat Malam	3	2.0	3	2.0
Tiada Saudara-mara Di Brunei	8	5.3	8	5.3
Jumlah	150	100	150	100

A = Jumlah Ketua Keluarga Yang Menginap Di Rumah Saudara-mara Di KABD

B = Jumlah Ketua Keluarga Menerima Kunjungan Saudara-mara Dari KABD Yang Menginap Di Rumah Mereka

sebaliknya saudara-mara dari KABD yang berziarah ke rumah ketua keluarga di KSK.

Perlu dijelaskan, bilangan hari menginap di rumah saudara-mara ada kalanya mengikut keadaan atau suasana tertentu. Umpamanya ketika berziarah ke rumah saudara-mara yang sedang sakit atau berlaku kematian, mereka akan menginap di rumah orang yang sakit atau berlaku kematian tersebut hingga lebih seminggu. Ini kebiasaan dilakukan oleh saudara-mara terdekat dengan tujuan membantu orang yang sakit atau orang yang baru kematian salah seorang ahli keluarganya. Perkara ini walaupun bertujuan baik dan dianggap dapat merapatkan lagi sillaturrahim di antara mereka, tetapi ia sebenarnya bercanggah dengan ajaran Islam kerana tinggal lama di rumah orang yang ditimpa kesakitan atau menerima kematian sebenarnya boleh menambahkan lagi bebanan atau kesedihan tuan rumah.


#### **5.4 BERHUBUNG MENGGUNAKAN TELEFON, SURAT ATAU KAD, DAN INTERNET**

Pada masa kini, satu perkara yang lumrah dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei KSK sebelum berkunjung ke rumah saudara-mara mereka di KABD adalah memberitahu terlebih dahulu tentang hari dan waktu mereka akan berziarah dengan menggunakan telefon.<sup>3</sup> Selain untuk tujuan tersebut, telefon juga digunakan apabila mereka hendak bertanya khabar berita, berkirim pesan atau semasa

kecemasan. Dari segi kekerapan berhubung dengan menggunakan telefon dalam sebulan dapat ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.0.

Gambar Rajah tersebut menunjukkan majoriti ketua keluarga berhubung dengan saudara-mara mereka di KABD menggunakan telefon adalah antara 19 hingga 21 kali dalam sebulan. Hanya sebanyak 8.7% yang berhubung dengan cara tersebut mempunyai kekerapan paling rendah iaitu sebanyak satu hingga tiga kali dalam sebulan. Perlu dijelaskan, kesemua ketua keluarga yang mempunyai kekerapan paling rendah terdiri daripada golongan muda yang berumur di antara 21 hingga 30 tahun. Dengan adanya kemudahan telefon di KSK, secara tidak langsung ia telah mengeratkan hubungan kekeluargaan antara orang-orang Melayu Brunei di kedua kampung air tersebut.


Selain berhubung dengan menggunakan telefon, penduduk di kedua kampung air di atas juga berhubung di antara satu sama lain dengan cara berutus surat atau kad. Urusan surat-menjurat digunakan terutamanya dalam perkara-perkara penting seperti menjemput saudara-mara secara rasmi untuk hadir ke majlis perkahwinan, majlis malam berbedak dan berzikir, sambutan hari jadi dan lain-lain perkara. Menurut penduduk kampung, menjemput saudara-mara dengan menggunakan surat atau kad adalah bertujuan untuk menghormati saudara-mara tersebut dan menjaga hubungan kekeluargaan.

**Gambar Rajah 5.0: Kekerapan Berhubung Menggunakan Telefon Dalam Sebulan**

Satu perkara yang lumrah, kad ucap selamat akan dikirimkan kepada saudara-mara ketika hendak menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri. Begitu juga ketika saudara-mara menyambut hari jadi, melangsungkan perkahwinan, mendapat cahaya mata dan lain-lain upacara. Oleh kerana pada masa kini perhubungan dengan menggunakan telefon lebih mudah dilakukan, kekerapan orang-orang Melayu Brunei KSK mengirim surat atau kad kepada saudara-mara mereka di KABD adalah rendah. Begitu juga kekerapan ketua keluarga menerima surat atau kad dari saudara-mara mereka di KABD. Secara perangkaan ia ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.1.

Perkembangan teknologi maklumat di Bandar Limbang telah mendorong sebilangan kecil penduduk KSK untuk menggunakan komputer di rumah. Dengan adanya komputer dan talian telefon di rumah, sebilangan kecil mereka telah memasang internet di rumah masing-masing. Penggunaan internet bukan sahaja membolehkan penduduk KSK mengirim atau menerima khabar berita dari saudara-mara di KABD melalui *e-mail*, malah kedua penduduk kampung air itu juga dapat berbual atau saling menghantar kad ucapan secara elektronik. Bagaimanapun bilangan mereka yang menggunakan internet untuk berhubung dengan saudara-mara di KABD masih di peringkat minima iaitu hanya sebanyak 10.7% sahaja daripada jumlah keseluruhan ketua keluarga.

**Gambar Rajah 5.1: Kekerapan Ketua Keluarga Berhubung Menggunakan Surat Atau Kad Dengan Saudara-mara Di KABD Dalam Setahun**



Perlu dijelaskan, peratusan tersebut turut mengambil kira ketua keluarga yang menggunakan internet di kafe-kafe siber yang beroperasi di Bandar Limbang atau kemudahan internet di pejabat bagi mereka yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan atau swasta. Peratusan yang rendah bagi ketua keluarga di KSK yang berhubung dengan saudara-mara mereka di KABD menggunakan internet adalah disebabkan sebilangan besar mereka tidak begitu mengetahui tentang komputer. Kebanyakan rumah tidak memiliki komputer peribadi tetapi mempunyai peralatan elektrik yang berunsur hiburan seperti set hi-fi, mini kompo, set karaoke, pemain video cakera padat, set permainan video dan televisyen pelbagai saiz, bentuk dan jenama.

## **5.5**

### **MENGIRIM LAGU PERMINTAAN**

Pemilikan peralatan elektrik di atas, membolehkan orang-orang Melayu Brunei KSK untuk membuat ucap selamat dan lagu-lagu permintaan melalui stesyen-stesyen radio kepada saudara-mara mereka di KABD. Secara umum terdapat dua buah stesyen radio yang paling popular diikuti rancangannya oleh penduduk KSK iaitu Radio Televisyen Malaysia (RTM) Limbang dan Radio Televisyen Brunei (RTB). Perlu dijelaskan, stesyen radio RTM Limbang juga dapat diikuti dengan jelas oleh penduduk KABD. Kedua-dua stesyen radio tersebut mengadakan pelbagai rancangan permintaan pada setiap hari. Selain itu terdapat juga rancangan bersama seperti "Salam Muhibah RTM-RTB" yang ke udara pada setiap hujung minggu jam 12.00 tengahari.

RTM Limbang juga menerbitkan siaran permintaan bersama Radio Malaysia Kuala Lumpur (RMKL) yang ke udara pada setiap hari Khamis jam 1.30 tengahari. Rancangan ini juga dapat diikuti oleh penduduk KABD.

Pada setiap kali umat Islam hendak menyambut Hari Raya Aidil Fitri stesyen-stesyen radio di atas mengadakan rancangan-rancangan "Salam Aidil Fitri". Rancangan-rancangan radio yang berbentuk sedemikian telah memberi peluang kepada penduduk KSK dan KABD untuk saling membuat ucap selamat dan menujukan lagu-lagu permintaan hari raya kepada saudara-mara mereka.

Dari segi kekerapan, kajian mendapati 70% ketua keluarga di KSK membuat ucap selamat dan menujukan lagu-lagu permintaan melalui rancangan-rancangan yang disiarkan oleh stesyen-stesyen radio di atas di antara satu hingga tiga kali dalam setahun. Begitu juga sebaliknya mereka menerima ucapan selamat dan lagu-lagu permintaan dari saudara-mara yang tinggal di KABD. Sementara itu, terdapat sebanyak 5.3% ketua keluarga lagi mengirim dan menerima lagu-lagu permintaan di antara empat hingga enam kali dalam setahun.

## **5.6 MENGIRIM BUAH-BUAHAN**

Amalan menghantar atau mengirim buah-buahan kepada saudara-mara di KABD pada musim buah-buahan juga merupakan satu perkara lumrah bagi orang-orang Melayu Brunei di KSK. Buah-

buah yang dikirimkan kepada saudara-mara terdiri daripada yang ditanam sendiri atau dibeli dari Pasar Tamu Limbang. Kesemua jenis buah yang dihantar atau dikirim merupakan kegemaran orang-orang Melayu Brunei. Antaranya termasuklah buah kembuyau, durian, cempedak, rambutan, langsat, rambai, salak, pisang dan limau.<sup>4</sup>

Dari segi kekerapan, sebanyak 89.3% ketua keluarga didapati menghantar atau mengirim buah-buahan kepada saudara-mara mereka di KABD antara satu hingga tiga kali dalam sekali musim buah. Selebihnya sebanyak 3.4% ketua keluarga menghantar atau mengirim buah-buahan kepada saudara-mara di KABD antara empat hingga enam kali dalam sekali musim buah. Menurut Hj. Wahab Hj. Abu Bakar<sup>5</sup>, keadaan di atas berlaku kerana di KABD majoriti penduduknya tidak memiliki tanah untuk berkebun atau berdusun buah-buahan. Sebilangan kecil yang memiliki tanah untuk pertanian pula mereka lebih gemar menangkap ikan atau melakukan aktiviti *sport fishing* berbanding bercucuk tanam.


## **5.7 HUBUNGAN PERKAHWINAN**

Menurut Jabatan Agama Islam Limbang, sekurang-kurangnya terdapat satu perkahwinan yang melibatkan pasangan orang Melayu Brunei daerah Limbang dengan orang Melayu Brunei di Negara Brunei Darussalam didaftarkan dalam sebulan.<sup>6</sup> Bagaimanapun berdasarkan rekod yang tercatat dalam "Buku Daftar Perkahwinan" dan "Fail Permohonan Nikah Luar Daerah Limbang",

didapati sebanyak tiga hingga empat perkahwinan pasangan antara orang Melayu Brunei daerah Limbang dengan orang Melayu Brunei di Negara Brunei Darussalam dalam sebulan. Bilangan pasangan orang Melayu Brunei daerah Limbang yang berkahwin dengan orang Melayu Brunei di Negara Brunei Darussalam dari tahun 1995 hingga 2000 ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.2.

Berdasarkan perangkaan yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah tersebut, bilangan pasangan yang bernikah di Negara Brunei Darussalam adalah lebih ramai berbanding bernikah di daerah Limbang. Kebanyakan pasangan tersebut di sebelah pihak perempuan adalah orang Melayu Brunei daerah Limbang, manakala di sebelah pihak lelaki merupakan orang Melayu Brunei dari Negara Brunei Darussalam.<sup>7</sup> Faktor bangsa, agama dan budaya yang sama serta hubungan persaudaraan yang terjalin di antara orang-orang Melayu Brunei di daerah Limbang dan Negara Brunei Darussalam menyebabkan tidak ada halangan atau masalah bagi pasangan tersebut untuk berkahwin. Untuk bernikah di Negara Brunei Darussalam, pihak perempuan hanya perlu mengisi borang keizinan nikah luar kawasan yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Limbang.<sup>8</sup> Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab dua, pada masa kini kaum lelaki tidak ramai yang mencari isteri dari Negara Brunei Darussalam kerana untuk berbuat demikian mereka memerlukan belanja perkahwinan yang besar dalam bentuk Dollar Brunei.

**Gambar Rajah 5.2: Bilangan Pasangan Orang Melayu Brunei Daerah Limbang Dengan Orang Melayu Brunei Negara Brunei Darussalam Yang Berkahwin, Tahun 1995-2000**



Sumber: Disusun semula daripada "Buku Daftar Perkahwinan", Jabatan Agama Islam Sarawak, Bahagian Limbang, Sarawak, 1995-2000, dan "Fail Permohonan Nikah Luar Daerah Limbang", Jabatan Agama Islam Sarawak, Bahagian Limbang, 1995-2000.

Adat dan kepercayaan yang sama ketika melaksanakan majlis perkahwinan telah memudahkan orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD menguruskan sesebuah perkahwinan yang melibatkan pasangan dari kedua-dua kampung air tersebut. Bagi orang-orang Melayu Brunei yang hendak mendirikan rumah tangga sama ada pihak lelaki atau perempuan, mereka akan melalui beberapa peringkat bermula dari peringkat 'berjarum-jarum' atau merisik, 'adat basuruh' atau peringkat bertunang, upacara akad nikah dan majlis persandingan. Dalam upacara-upacara tersebut sebilangan besar ahli keluarga sama ada di KSK atau di KABD akan terlibat.

Proses berjarum-jarum atau merisik merupakan perkara utama yang dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD dalam menentukan satu-satu pasangan bertemu jodoh atau sebaliknya. Proses berjarum-jarum biasanya dilakukan di sebelah malam oleh kedua ibu bapa pihak lelaki atau wakilnya yang terdiri daripada saudara-mara terdekat untuk bertanyakan persetujuan pihak perempuan yang juga diwakili oleh kedua ibu bapa atau wakilnya. Proses berjarum-jarum ini dilakukan di rumah pihak perempuan.

Sebagaimana kebanyakan masyarakat Melayu di rantau Asia Tenggara, proses berjarum-jarum dijalankan dengan menggunakan bahasa halus atau bahasa kiasan.<sup>9</sup> Menurut Ampuan Hj. Sabtu Ampuan Safiuddin, proses berjarum-jarum selalunya dimulakan oleh tuan rumah dengan pertanyaan, "Apa hajat biskita ani datang?". Soalan tersebut kemudiannya dijawab oleh ibu bapa atau

wakil pihak lelaki dengan jawapan, "Kami ani datang kan menulong membaiki atap, mengkali ada atap biskita bubus, mun ada gelagar rumah patah, dapat kami menulong menungkat".<sup>10</sup>

Jawapan sedemikian akan memberi kefahaman kepada pihak perempuan tentang tujuan kedatangan ibu bapa atau wakil pihak lelaki. Sebagai tanda setuju ibu bapa pihak perempuan atau wakilnya akan berkata, "Nya doi, anakku ani orang-orangnya tah kan berguna jua Dang Salam, jahat, tubuhnya itam, idungnya mimik, muanya lampai, orang-orangnya tah kan berguna".<sup>11</sup>

Sebaik sahaja mendapat persetujuan daripada pihak perempuan, tarikh peminangan secara rasmi akan ditetapkan oleh kedua belah pihak. Secara umum, peminangan secara rasmi dibuat beberapa hari selepas berjarum-jarum. Upacara peminangan ini dikenali sebagai adat basuruh. Dalam adat basuruh, pihak lelaki dan perempuan diwakili oleh lebih ramai saudara-mara. Wakil pihak lelaki akan membawa bersama barang-barang hantaran seperti cincin tanda, 'wang pembuka mulut', sehelai kain jong sarat, kain bunga lapik pinang<sup>12</sup>, kain dan baju untuk majlis 'malam masuk babadak' (berbedak)<sup>13</sup>, buah-buahan, kuih dan lain-lain barang hantaran. Pihak perempuan menyediakan barang-barang yang dikenali sebagai 'balasan tanda kasih' antaranya termasuklah jam tangan, kasut, sejadar, songkok, buah-buahan dan kuih-muih. Kesemua barang-barang dari pihak lelaki dan perempuan digubah dalam pelbagai

bentuk gubahan yang menarik.<sup>14</sup> Mengikut adat orang-orang Melayu Brunei, gubahan yang dibuat adalah tidak boleh berbentuk haiwan.

Pada masa kini barang hantaran bagi orang-orang Melayu Brunei adalah sebanyak 29, 31 dan 33 dulang, malah kadang-kala mencecah hingga 41 dulang.<sup>15</sup> Dalam pada itu jumlah wang hantaran juga tinggi mencecah RM20,000. Dalam adat basuruh perkara yang paling penting adalah menetapkan jumlah mas kahwin dan barang-barang yang perlu disediakan oleh pihak lelaki untuk majlis perkahwinan. Selepas upacara menyarung cincin tanda, pertukaran barang-barang hantaran akan dilakukan dan sesudah itu para wakil akan makan bersama.

Majlis perkahwinan akan dilangsungkan sebaik sahaja tempoh pertunangan tamat. Orang-orang Melayu Brunei KSK mengadakan majlis tersebut selama tiga hari berturut-turut bermula daripada upacara 'malam berjaga-jaga' hingga ke upacara 'adat mulih tiga hari'. Orang-orang Melayu Brunei KSK lazimnya akan memilih hujung minggu atau waktu cuti sekolah untuk mengadakan majlis keramaian. Pada masa cuti membolehkan mereka yang berkerja makan gaji turut serta dalam aktiviti 'bermucang-mucang' atau bergotong-royong di rumah pengantin.

Kerja bermucang-mucang di rumah pengantin dilakukan bermula daripada petang Jumaat hingga malam Isnin. Perkara utama yang perlu dilakukan adalah membina pantaran tambahan. Penduduk kampung air KSK membina pantaran tambahan bagi tujuan memasang

kemah atau bangsal untuk menempatkan para tetamu yang dijemput hadir. Pantaran tambahan ini dibina di bahagian hadapan atau tepi rumah sama ada di sebelah kanan atau kiri. Pada bahagian pantaran tambahan ini kemudiannya didirikan khemah. Menurut Hj. Matsri Basar, budaya pemasangan khemah di kampung-kampung air daerah Limbang adalah budaya baru yang bermula kira-kira lima tahun yang lalu.<sup>16</sup>

Penggunaan khemah mula diketahui apabila penduduk kampung-kampung air daerah Limbang menghadiri majlis perkahwinan saudara-mara mereka di KABD. Khemah tersebut dilengkapi dengan kipas angin elektrik bagi memberi keselesaan kepada tetamu. Khemah dan segala kelengkapannya disewa dari kontraktor-kontraktor kerja kahwin dengan bayaran RM120 sebuah khemah.<sup>17</sup> Sebuah khemah boleh menempatkan seramai 60 orang tetamu.

Pada kebiasaanya sebanyak dua buah khemah digunakan dalam majlis perkahwinan orang-orang Melayu Brunei KSK. Sebuah khemah dikhaskan untuk menempatkan tetamu lelaki dan sebuah lagi untuk tetamu perempuan. Konsep pembahagian tetamu dalam majlis perkahwinan sebenarnya merupakan tradisi orang-orang Melayu Brunei sama ada di KSK atau KABD.

Kerja bermucang-mucang membina pantaran tambahan dan memasang khemah akan dilakukan oleh kaum lelaki. Selain itu kaum lelaki juga akan membantu kerja-kerja didapur seperti memasak nasi, memasak lauk dan menjerang air. Sementara itu, kaum wanita

juga melakukan kerja-kerja didapur seperti menyediakan ramuan-ramuan untuk memasak lauk, membersihkan daging dan ayam yang hendak dimasak, memotong sayur-sayuran dan membasuh pinggan mangkuk.

Seperti sudah diatur, setiap orang yang hadir untuk bermucang-mucang akan melakukan tugas masing-masing. Golongan anak muda lelaki berperanan sebagai pembantu kepada golongan tua lelaki. Mereka akan menyusun kerusi dan meja untuk para tamu, menyediakan peralatan untuk memasak, menyediakan pentas untuk upacara-upacara hiburan seperti bermukun, berkaraoke dan permainan cabutan bertuah.

Sementara itu, anak-anak gadis biasanya ditugaskan oleh tuan rumah untuk membantu membuat persiapan dalam rumah menjelang hari persandingan. Anak-anak gadis lazimnya membuat gubahan bunga, membungkus pelbagai hadiah, menghias pelamin dan membantu pengantin perempuan ketika malam masuk bebadak dan malam berinai. Sebilangan anak-anak gadis pula membantu kaum ibu membuat kuih-muih, menyediakan makan dan minum untuk orang-orang yang bermucang-mucang serta melakukan kerja-kerja di dapur yang lain.

Proses akad nikah dijalankan pada sebelah petang hari Jumaat atau malam sabtu. Berbeza dengan majlis persandingan, majlis akad nikah lebih bersifat sederhana kerana ia merupakan upacara agama yang hanya dihadiri oleh Wali, Saksi, Imam, Juru

Nikah dan beberapa orang sanak-saudara terdekat. Majlis akad nikah dilangsungkan di rumah pengantin perempuan dan sesetengah keluarga melangsungkannya di masjid.

Malam sebelum persandingan dikenali sebagai 'malam berjaga-jaga'. Saudara-mara dan para jemputan akan berada di rumah pengantin dari waktu lepas Isya' hingga tengah malam atau Subuh. Pada malam tersebut tetamu akan dijamu dengan kuih-muih tradisional dan dipersembahkan dengan permainan tradisional dan moden. Antara permainan tradisional yang sering diadakan termasuklah gambus, gulingtangan<sup>18</sup>, diangdangan<sup>19</sup> dan mukun (berbalas pantun). Manakala permainan moden yang dipersembahkan termasuklah pertandingan karaoke yang menawarkan hadiah-hadiah berupa barang-barang elektrik dan pinggan mangkuk. Selain itu, permainan 'lotto' dan cabutan bertuah turut diadakan. Pada lewat tengah malam, anak-anak muda akan bermain 'judi ketam' atau daun terup. Keseluruhan pertandingan yang diadakan akan menawarkan hadiah berupa wang tunai. Perlu dijelaskan, sebilangan besar orang Melayu Brunei KSK pada masa kini lebih gemar mengadakan acara bermukun, berkaraoke, cabutan bertuah dan judi ketam pada malam berjaga-jaga. Ini kerana acara gambus telah diharamkan oleh Jabatan Agama Islam Limbang<sup>20</sup>, manakala gulingtangan dan diangdangan pula hanya diminati oleh golongan tua.

Majlis persandingan akan diadakan pada siang hari Ahad. Sebelum persandingan bermula, rombongan pengantin lelaki

yang datang dari kawasan perkampungan lain akan dijemput dan disambut oleh pihak perempuan dengan menggunakan bot-bot berenjin sangkut milik ahli keluarga pengantin perempuan. Dalam pada itu, terdapat pula bot-bot sukarelawan yang bertugas menjemput dan menghantar para tetamu. Tugas ini biasanya dilakukan oleh anak-anak muda kampung berkenaan. Amalan menjemput dan menghantar tetamu semasa berlangsungnya majlis perkahwinan merupakan tradisi orang-orang Melayu Brunei di KSK dan KABD.

Tetamu yang hadir biasanya menghulurkan sumbangan berbentuk wang ringgit kepada tuan rumah. Tetamu yang datang dari KABD memberi sumbangan dalam matawang Dollar Brunei. Wang sumbangan biasanya dimasukkan dalam sampul surat bersaiz kecil dan dihulurkan kepada tuan rumah atau wakilnya semasa mereka berjabat tangan sebaik sahaja tiba di rumah pengantin.

Pada majlis kenduri kahwin orang-orang Melayu Brunei KSK, tetamu akan makan pada jam 11.00 pagi hingga jam 1.00 petang. Hidangan yang disajikan adalah makanan kegemaran orang-orang Melayu Brunei iaitu nasi bariani, daging masak pindang, sambal udang dan sayur campur. Satu keistimewaan dalam majlis perkahwinan orang-orang Melayu Brunei, pinggan makan yang digunakan oleh para tetamu akan diberi terus kepada tetamu tersebut sebagai buah tangan.

Pada hari persandingan, pengantin lelaki dipakaikan dengan sepasang baju Melayu yang dilengkapkan dengan samping

dan tengkolok. Untuk memperlihatkan ia lebih gagah sebilah keris disisip kepinggangnya. Sementara itu, pengantin perempuan akan memakai baju kebaya kain songket yang disesuaikan dengan gaya rambut bersanggul tanpa tudung. Gambar 5.0 menunjukkan sepasang pengantin orang-orang Melayu Brunei KSK. Kebiasaan pasangan pengantin memilih warna pakaian yang sama supaya kelihatan secocok. Kedua-dua mempelai turut dihias dengan barang kemas yang memperlihatkan kemewahan.

Pengantin lelaki dengan diiringi oleh kaum keluarga dan sahabat handai dibawa menyeberangi Sungai Limbang dengan bot-bot berenjin sangkut yang dikhaskan untuk mereka. Pada bahagian hadapan bot-bot pengantin berkenaan akan diletakkan bunga manggar. Semasa menyeberangi sungai, mereka melakukan 'pusaran naga' di mana bot membuat pusingan sebanyak tiga kali sebelum sampai ke hadapan rumah pengantin perempuan. Menurut Hj. Osman Hj. Mohamad Tamin:

"Perbuatan berpusing naga ini ialah sebagai simbol berjaga-jaga. Orang yang memimpin itu pula bukan calang-calang orang kerana dia mestilah juga mempunyai ilmu yang tinggi bagi menangkis sebarang perbuatan jahat."<sup>21</sup>

Kehadiran pengantin lelaki disambut dengan paluan kompang. Kompang tersebut dimainkan oleh Kumpulan Kompang Hadrah KSK yang diketuai oleh En. Awang Yusuf. Kumpulan kompang ini merupakan antara yang terbaik di daerah Limbang dan kerap kali

**Gambar 5.0: Menunjukkan Sepasang Pengantin Orang-orang Melayu Brunei KSK**



diundang ke KABD untuk mengarak pengantin.<sup>22</sup> Paluan kompong akan berhenti selepas pengantin lelaki disandingkan bersama pengantin perempuan selama beberapa minit. Semasa pengantin bersanding, upacara menepung tawar dilakukan oleh saudara-mara yang hadir. Dalam adat orang-orang Melayu Brunei, saudara-mara terdekat yang menyaksikan pengantin akan meletakkan duit di dalam bekas khas yang disediakan di hadapan pengantin berkenaan. Wang ini merupakan sumbangan saudara-mara kepada mempelai yang baru mendirikan rumah tangga.

Malam selepas persandingan dikenali sebagai 'malam baambil-ambilan'. Pada malam ini, sanak saudara dan jiran tetangga terdekat sahaja yang hadir. Majlis ini bertujuan untuk bersanding sekali lagi dengan disaksikan oleh mereka yang hadir. Menurut Normah Asmad:

"Tujuan diadakan persandingan pada malam ini ialah untuk memberi peluang kepada kaum keluarga yang tidak berkesempatan melihat mereka bersanding pada siang hari. Ini disebabkan mereka sibuk mengemas segala peralatan yang kotor yang telah digunakan ketika menjamu para tetamu. Begitu juga dengan kedua-dua ibu bapa pengantin selaku tuan rumah. Dengan adanya malam baambil-ambilan ini, mereka pun berpeluang melihat pengantin bersanding, sambil mengusik kedua-dua pengantin. Jamuan ringan akan disediakan oleh keluarga pengantin bini untuk para tetamunya".<sup>23</sup>

Mengikut adat perkahwinan orang-orang Melayu Brunei, pasangan pengantin baru akan mengadakan hubungan sebenar suami isteri pada malam ketiga.<sup>24</sup> Kebenaran untuk tidur bersama lazimnya dapat difahami apabila 'kain bunga lapik pinang' telah dihampar dan

dijahit di atas katil pengantin tersebut.<sup>25</sup> Tujuan memasang kain bunga lapik pinang adalah untuk menguji kesucian pengantin perempuan ketika dinikahi. Ia juga bertujuan untuk menguji keterunaan atau kelelakian pengantin lelaki.<sup>26</sup> Kesucian pengantin perempuan dan kelelakian pengantin lelaki terbukti apabila terdapat kesan titisan darah di atas kain bunga lapik pinang setelah pengantin mengadakan hubungan suami isteri.

Pada siang hari, pasangan pengantin yang telah mengadakan hubungan suami isteri akan melakukan upacara adat 'mandi bahajung' atau mandi hadas.<sup>27</sup> Dalam upacara ini isteri akan duduk di atas riba suami sambil menghadap matahari terbit. Pengangun akan menjiruskan air ke atas badan pasangan suami isteri tersebut dengan disaksikan oleh keluarga pengantin dan beberapa orang tetamu yang hadir.<sup>28</sup>

Selepas mengadakan adat di atas, pasangan suami isteri tersebut akan mengadakan adat mulih tiga hari. Adat ini dilakukan dengan tujuan untuk membawa pulang isteri ke rumah pihak lelaki. Pasangan suami isteri sekali lagi akan dipakaikan dengan pakaian pengantin. Dalam adat ini, mempelai akan diiringi oleh rombongan pihak pengantin lelaki dalam perjalanan pulang dari rumah pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki tersebut.<sup>29</sup>

Di rumah pengantin lelaki, satu persandingan ringkas akan diadakan dengan disaksikan oleh saudara-mara dan para tetamu yang hadir. Pada kebiasaannya, selepas upacara persandingan

ringkas selesai pasangan pengantin tidak akan bermalam di rumah keluarga pengantin lelaki. Pasangan pengantin akan kembali semula ke rumah pengantin perempuan pada hari yang sama.<sup>30</sup>

Semasa hendak berangkat pulang, keluarga pengantin lelaki akan membekalkan kepada pasangan tersebut barang dapur yang dapat digunakan selama lebih kurang satu bulan. Keluarga pihak lelaki juga akan menghadiahkan barang kemas kepada pengantin perempuan.<sup>31</sup> Pasangan pengantin baru akan tinggal di rumah keluarga pengantin perempuan untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu bulan.

Setelah sebulan tinggal di rumah keluarga pengantin perempuan, mereka diberi pilihan sama ada tinggal bersama keluarga pihak perempuan atau pihak lelaki. Ini kerana pasangan pengantin lazimnya akan tinggal bersama ibu bapa atau ibu bapa mentua terlebih dahulu untuk beberapa waktu sehingga berkemampuan mendirikan rumah sendiri.<sup>32</sup>

## **5.8 HIBURAN**

Pada masa kini bentuk hiburan yang biasa dilakukan oleh orang-orang Melayu Brunei di KSK terdiri daripada karaoke, bermukun, permainan judi ketam dan cabutan bertuah. Jenis-jenis hiburan ini dijelaskan dalam tajuk-tajuk kecil di bawah.


### **5.8.0 Karaoke**

Orang-orang Melayu Brunei di KSK sebagaimana orang-orang Melayu Brunei di KABD sangat gemar melakukan aktiviti berkaraoke. Menurut penduduk KSK, hiburan bentuk baru ini mula menjadi popular di KSK pada pertengahan tahun 1990-an. Minat menyanyi secara karaoke mula menjadi popular di KSK setelah mereka mengikuti saudara-mara mereka di KABD. Satu perkara yang menarik, berkaraoke diminati oleh setiap peringkat usia bermula daripada kanak-kanak sehingga kepada golongan tua. Menyanyi secara karaoke dilakukan pada waktu-waktu lapang dan ketika diadakan sesuatu pertandingan.

Pertandingan karaoke di KSK diadakan pada setiap kali berlangsungnya majlis perkahwinan. Ia diadakan pada malam berjaga-jaga iaitu malam sebelum berlangsungnya majlis persandingan. Pertandingan ini disertai oleh orang-orang Melayu Brunei KSK sendiri dan orang-orang Melayu Brunei dari KABD. Gambar 5.1 menunjukkan seorang peserta dari KABD yang bertanding di pertandingan karaoke semasa berlangsung majlis perkahwinan di rumah En. Arif Mat Salleh.

Kebiasaan pertandingan karaoke berlangsung selama dua hari. Malam pertama adalah pertandingan bagi peringkat kanak-kanak, manakala malam kedua adalah pertandingan bagi peringkat remaja dan dewasa. Pertandingan karaoke akan disertai oleh peserta-peserta tempatan dan yang datang dari KABD.

**Gambar 5.1: Salah Seorang Peserta Pertandingan Karaoke Dari KABD**



Pertandingan karaoke digemari oleh semua peringkat usia di kedua-dua kampung air tersebut. Ini kerana selain menunjukkan bakat nyanyian mereka boleh memenangi hadiah-hadiah menarik melalui pertandingan karaoke. Di peringkat kanak-kanak hadiah terdiri daripada kipas angin, beg sekolah, peralatan menulis, pakaian, hamper dan lain-lain. Di peringkat remaja atau dewasa hadiah yang ditawarkan lebih besar berupa peti televisyen, pemain cakera padat, mini kompo, kipas angin dan sebagainya.

### **5.8.1        Bermukun**

Bermukun juga merupakan hiburan tradisi masyarakat Melayu Brunei ketika berlangsungnya majlis perkahwinan. Secara umum bermukun disertai oleh orang-orang dewasa dan golongan tua sama ada lelaki atau perempuan. Acara bermukun dilakukan sebagai hiburan pada malam berjaga-jaga. Kebiasaannya acara bermukun dilangsungkan selepas acara berzikir diadakan pada malam yang sama.

Upacara bermukun memerlukan dua orang tukang mukun yang berperanan sebagai juru pantun. Kedua-dua tukang mukun adalah terdiri daripada kaum perempuan biasanya yang dijemput khas dari KABD atau daerah Temburong Brunei Darussalam. Tukang mukun lazimnya berumur dalam lingkungan 30 tahun hingga 40 tahun. Kedua-dua tukang mukun ini akan duduk bersila di atas

pentas bermain gendang sambil menjual dan membeli pantun.<sup>33</sup>

Menurut Maimunah Daud:


"When a seh gendang invites a topeng to bermukun, that means she is inviting him to an exchange of berpantun, a sort of contest, to see who is more capable in composing pantun, because the pantun in the form of a question must be immediately answered by a pantun in the form of an answerer. If either one of them cannot give a reasonable reply to a question in pantun form, he or she is considered the loser. Generally it is the seh gendang who invites the topeng to a bermukun, but sometimes the topeng too does the inviting.

Bukan mukun sebarang mukun,  
Mukun kamek berisi beras,  
Bukan pantun sebarang pantun,  
Pantun kamek minta dibalas.

Mukun tuan berisi beras,  
Mukun saya di atas dulang,  
Pantun tuan saya balas,  
Sapa kalah ngekot pulang."<sup>34</sup>

Para jemputan yang bijak berpantun boleh menyertai acara mukun sebaik sahaja ia dimulakan. Mereka yang menyertai mukun akan menari di atas pentas secara beramai-ramai sambil bergilir-gilir membalias pantun dari tukang mukun. Gambar 5.2 menunjukkan orang-orang Melayu Brunei KSK dan yang datang dari KABD sedang menari dalam acara mukun. Mereka yang gagal membalias pantun akan dianggap kalah dan terkeluar dari kumpulan. Acara bermukun ini biasanya bermula dari jam 10.00 malam dan berlarutan hingga jam 3.00 atau 4.00 pagi.

Gambar 5.2: Orang-orang Melayu Brunei Sedang Menari Dalam Acara Mukun



### 5.8.2 Judi Ketam

'Judi ketam' adalah sejenis permainan yang menggunakan wang pertaruhan biasanya wang kertas. Wang tersebut diletakkan di salah satu petak daripada enam petak yang terdapat di atas sehelai kain. Setiap petak mempunyai gambar yang berbeza, kebiasaanya terdiri daripada gambar tempayan, harimau, ayam, ketam, udang dan ikan. Seseorang yang dikenali sebagai 'tauke' akan mengoncang dadu yang berada di dalam mangkuk.

Mangkuk tersebut kemudiannya ditelangkupkan di atas kain berkenaan dan dadu akan menunjukkan petak nombor berapa akan mendapat bayaran berganda. Umpamanya petak nombor satu (tempayan), orang yang mempertaruhkan wang pada petak tersebut akan dibayar dua kali ganda misalnya RM10.00 menjadi RM20.00.

Permainan judi ketam sering dimainkan pada malam minggu dan juga pada malam berjaga-jaga ketika majlis kenduri kahwin diadakan. Permainan ini bukan sahaja disertai oleh anak-anak muda dari KSK tetapi anak-anak muda dari KABD. Anak-anak muda dari KABD ini secara keseluruhannya adalah saudara-mara orang-orang Melayu Brunei KSK. Selain anak-anak muda, ia juga disertai oleh sebilangan kecil orang tua. Walaupun permainan judi ketam turut melibatkan mereka yang datang dari KABD tetapi ia dimainkan dalam bentuk matawang Ringgit Malaysia. Permainan judi ketam biasanya bermula pada kira-kira jam 10.00 malam dan berlarutan sehingga kira-kira jam 4.00 pagi.

### **5.8.3 Cabutan Bertuah**

Permainan cabutan bertuah juga sangat digemari oleh orang-orang Melayu Brunei KSK. Permainan ini turut disertai oleh saudara-mara mereka dari KABD. Pada lazimnya permainan cabutan bertuah diadakan pada malam berjaga-jaga. Dalam permainan ini, setiap tetamu yang datang akan diberi peluang untuk memilih helaian kertas kecil yang digulung kemas dan diletakkan di dalam bekas plastik. Tetamu dibenarkan memilih satu sahaja gulungan kertas kecil tersebut dalam satu-satu masa.

Pada gulungan kertas kecil berkenaan akan tertulis nama haiwan, benda atau perkataan-perkataan tertentu. Setelah kesemua tetamu mendapat kertas tersebut, seorang juru acara memainkan peranan di atas pentas di mana beliau akan membuat cabutan gulungan kertas dalam bekas plastik yang berlainan. Cabutan tersebut kemudiannya akan dibaca dengan kuat menggunakan pembesar suara. Sekiranya nama haiwan, benda atau perkataan yang dibacakan oleh juru acara berkenaan sama dengan nama haiwan, benda atau perkataan yang tertulis dalam kertas kecil milik salah seorang tetamu, maka tetamu itu akan mendapat salah satu hadiah yang ditawarkan.

Selepas pemenang tersebut mengambil hadiah, cabutan akan dibuat sekali lagi untuk mencari pemenang kedua dan seterusnya hingga hadiah-hadiah yang ditawarkan habis. Hadiah-hadiah biasanya terdiri daripada kipas angin, periuk nasi elektrik, ketuhar gelombang mikro, pinggan mangkuk, hamper dan lain-lain.

Perlu dijelaskan, orang-orang Melayu Brunei gemar memberi hadiah kepada saudara-mara melalui pertandingan dan permainan di atas. Ini kerana mereka berpendapat memberi hadiah kepada saudara-mara bukan satu perkara yang merugikan, malah ia dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan kerana hadiah yang diberi akan menjadi kenang-kenangan.

### **5.9 MAJLIS KENDURI**

Orang-orang Melayu Brunei KSK seperti juga saudara-mara mereka di KABD mengadakan majlis kenduri untuk mengirim doa kepada arwah, kenduri doa selamat dan upacara mencukur rambut bayi. Majlis kenduri dilakukan di rumah orang yang mengadakan majlis tersebut atau di Surau KSK. Dalam masyarakat Melayu Brunei, majlis kenduri akan didominasi oleh orang-orang yang bergelar haji.

Kenduri tahlil arwah lazimnya dibuat di rumah keluarga orang yang meninggal dunia selama tujuh malam berturut-turut. Kenduri yang sama juga akan diadakan pada hari ke-20, ke-40 dan ke-100. Setelah genap setahun seseorang itu meninggal dunia majlis kenduri tersebut akan diadakan sekali lagi dan ia dikenali sebagai 'hari hol'.<sup>35</sup> Pada bulan Syaaban<sup>36</sup>, ia merupakan musim penduduk kampung air membuat kenduri tahlil arwah.

Kenduri doa selamat diadakan apabila seseorang itu hendak menunaikan haji, berpindah ke rumah baru, mendapat kesenangan, terlepas dari bencana alam dan lain-lain sebab. Kenduri

mencukur rambut bayi pula dilakukan apabila seseorang itu menerima cahaya mata. Upacara tersebut dilakukan setelah bayi berumur tujuh hari. Kenduri ini dilakukan dengan tujuan untuk menyatakan kesyukuran ibu bapa bayi berkenaan kepada Allah s.w.t.

Oleh kerana orang-orang Melayu Brunei KSK sering mengadakan majlis kenduri, saiz ruang tamu dan ruang tengah setiap rumah adalah lebih luas berbanding bahagian-bahagian yang lain. Saiz yang luas bertujuan untuk memberi keselesaan kepada jemputan yang hadir. Kebanyakan rumah di KSK mempunyai serambi, dengan demikian tetamu yang datang boleh duduk di bahagian serambi sekiranya ruang tamu dan ruang tengah telah dipenuhi para tetamu.

Persiapan menjelang hari kenduri dilakukan oleh tuan rumah dengan dibantu oleh saudara-mara mereka yang datang dari KSK dan juga KABD. Kehadiran suadara-mara akan membawa bersama sumbangan berbentuk wang ringgit, barang-barang dapur seperti gula, tepung dan beras serta daging ayam atau lembu. Secara perangkaan sumbangan saudara-mara semasa mengadakan majlis kenduri ditunjukkan dalam Jadual 5.5.

Pada masa kenduri doa selamat untuk meraikan ahli keluarga yang hendak pergi menunaikan haji, saudara-mara yang hadir ke majlis kenduri tersebut akan memberi sumbangan berbentuk wang ringgit. Jumlah sumbangan yang diberi bergantung kepada kemampuan. Gambar Rajah 5.3 menunjukkan jumlah wang ringgit


**Jadual 5.5: Sumbangan Kepada Saudara-mara Dalam Majlis Kenduri-kendara**

Sumbangan	A		B	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Wang	1	0.7	1	0.7
Barang Dapur	1	0.7	1	0.7
Wang dan Barang Dapur	121	80.7	121	80.7
Wang dan Daging Ayam/Lembu	2	1.3	2	1.3
Barang Dapur dan Daging Ayam/Lembu	5	3.3	5	3.3
Wang, Barang Dapur dan Daging Ayam/Lembu	12	8.0	12	8.0
Tiada Saudara-Mara Di Brunei	8	5.3	8	5.3
Jumlah	150	100	150	100

A = Jumlah Ketua Keluarga Memberi Sumbangan Kepada Saudara-mara Di KABD

B = Jumlah Ketua Keluarga Menerima Sumbangan Saudara-mara Dari KABD

Gambar Rajah 5.3: Jumlah Sumbangan Ketua Keluarga Kepada Saudara-mara Di KABD Yang Hendak Menunaikan Haji



Yang disumbangkan oleh ketua-ketua keluarga di KSK kepada saudara-mara mereka di KABD yang hendak menunaikan fardhu haji. Perlu dijelaskan sumbangan kepada saudara-mara di KABD adalah dalam bentuk Dollar Brunei. Wang tersebut akan diserah kepada orang yang hendak menunaikan haji dengan cara berjabat tangan sebaik sahaja sampai di rumah orang yang mengadakan majlis kenduri berkenaan atau semasa hendak pulang ke rumah.

Majlis kenduri doa selamat untuk orang yang hendak menunaikan fardhu haji diadakan beberapa hari sebelum bakal haji berangkat ke tanah suci Mekah. Kenduri tersebut bukan sahaja bertujuan untuk memanjatkan rasa kesyukuran dan berdoa untuk mendapatkan keselamatan perjalanan kepada orang yang hendak menunaikan haji, tetapi untuk mengumpulkan saudara-mara terdekat dan bermaaf-maafan sesama mereka untuk menghadapi kemungkinan terjadinya sesuatu kemalangan atau kematian ketika di Mekah.

Pada masa kini, adat makan bersama dalam 'edang' di majlis kenduri tidak lagi dipraktikkan oleh orang-orang Melayu Brunei KSK. Sebagaimana orang-orang Melayu Brunei KABD, mereka menggunakan set pinggan mangkuk yang berjenama.<sup>37</sup> Gambar 5.3 menunjukkan majlis makan kenduri di KSK pada masa kini. Penggunaan set pinggan mangkuk dalam majlis makan kenduri mula diikuti oleh orang-orang Melayu Brunei KSK setelah mereka menghadiri majlis kenduri saudara-mara mereka di KABD.<sup>38</sup>

Gambar 5.3: Majlis Makan Kenduri Orang Melayu Brunei KSK



Sungguhpun adat makan 'edang' tidak diperaktikkan lagi, adat memberi buah tangan kepada tetamu untuk dibawa pulang sebagai pemberian kepada orang-orang di rumah masih diamalkan. Di kampung air buah tangan di majlis kenduri terdiri daripada kuih-muih basah dan kering yang dibuat sendiri oleh ahli keluarga tuan rumah atau yang dibeli di kedai. Antaranya termasuklah kuih cincin, kuih sapit, kuih koya, madu kesitat, penyeram dan kuih udang.

Semasa hendak pulang tetamu yang hadir bersalaman dengan tuan rumah dan memberi ucapan terima kasih. Saudara-mara yang datang dari KABD biasanya akan menginap di rumah tuan rumah berkenaan. Selepas kenduri selesai, tuan rumah dan saudara-mara yang menginap di rumahnya berbual-bual sambil menikmati kuih-muih dan minuman panas sebelum masuk tidur.

#### **5.10           KEGIATAN KEAGAMAAN**


Sejak berumur tujuh tahun, anak orang-orang Melayu Brunei KSK sudah diajar mengaji Muqaddam oleh ibu bapa atau guru mengajar mengaji di kampung air tersebut. Selepas itu, anak-anak yang sudah mahir akan diajar mengaji al-Quran. Bagaimanapun melalui pemerhatian, kehidupan sebilangan besar orang Melayu Brunei KSK tidak melambangkan kehidupan orang yang berpandukan al-Quran. Ini kerana mereka hanya diajar membaca dan jarang sekali yang mahu belajar sehingga ke peringkat memahami makna, tafsir dan mempraktikkan ajaran al-Quran.

Orang-orang Melayu Brunei KSK juga mengadakan upacara sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidurrasul, Awal Muharram, Isra' Mi'raj dan Nuzul Al-Quran. Pada hari-hari kebesaran Islam ini akan diadakan aktiviti-aktiviti agama seperti, ceramah agama, berzikir, berselawat, bertadarus, berqiyamullail dan sebagainya di Surau KSK atau Masjid Jamek Bandar Limbang. Majlis-majlis tersebut diketuai oleh Imam dan ustaz bertauliah yang telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Agama Islam Limbang.<sup>39</sup>

Sebagai tradisinya setiap orang yang beragama Islam di KSK akan melibatkan diri dalam majlis-majlis keagamaan di atas. Orang-orang kampung yang beragama Islam tetapi tidak melibatkan diri dalam majlis-majlis keagamaan akan dipandang serong dan dianggap tidak bercampur dengan masyarakat. Mereka ini akan dipulaukan sehingga mereka insaf dan berubah sikap. Cara sebegini dianggap baik dan dapat menyatu-padukan penduduk KSK.<sup>40</sup>

Majlis-majlis keagamaan sebagaimana di KSK lebih banyak diadakan di KABD. Sebagai sebuah negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB), Kerajaan Negara Brunei Darussalam sentiasa menggalakkan rakyatnya menganjurkan majlis-majlis keagamaan. Pada kebiasaannya, orang-orang Melayu Brunei KSK juga menghadiri majlis-majlis keagamaan yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu di KABD. Gambar Rajah 5.4 menunjukkan bilangan ketua keluarga yang menghadiri majlis-majlis keagamaan di KABD.

Gambar Rajah 5.4: Bilangan Ketua Keluarga Yang Menghadiri Majlis-majlis Keagamaan DI KABD



Di KABD, setiap hadirin yang datang untuk mendengar ceramah agama yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam diberi wang sebanyak B\$10.00. Ini adalah salah satu usaha untuk menggalakkan anak-anak muda menghadiri majlis-majlis keagamaan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Pemberian tersebut juga telah menggalakkan anak-anak muda di KSK untuk menghadiri ceramah agama di KABD, lebih-lebih lagi apabila ceramah tersebut berlangsung selama beberapa hari.<sup>41</sup>

Ketika musim haji, saudara-mara terdekat sama ada yang datang dari KSK dan juga KABD akan bersama-sama menghantar jemaah. Perlu dijelaskan orang-orang Limbang yang hendak naik haji akan menaiki pesawat di Lapangan Terbang Miri. Dari daerah Limbang ke Miri mereka dibawa dengan menggunakan bot ekspress. Oleh yang demikian saudara-mara yang datang mengiringi jemaah akan menghantar hingga ke Dermaga Kastam Limbang sahaja. Semasa mengiringi jemaah, mereka akan sama-sama berselawat dan bertakbir.

Orang-orang Melayu Brunei semasa hendak naik haji mereka akan menulis kalimah suci 'lailahaillAllah' di atas sekeping kertas. Semasa bersalaman dengan salah seorang saudara-mara terdekat, kertas tersebut akan ditarik hingga terbahagi dua. Satu bahagian akan disimpan oleh orang yang hendak naik haji, manakala satu bahagian lagi akan disimpan oleh saudara-mara terdekat berkenaan. Kedua-dua bahagian kertas yang bertulis kalimah suci

tersebut akan dicantumkan semula apabila orang yang naik haji kembali ke tanah air.

Semasa menyambut saudara-mara yang pulang dari menunaikan haji, kain putih (saprah) akan dibentangkan dari bahagian hadapan rumah hingga ke bahagian jeti. Kain putih ini menjadi laluan kepada orang yang baru mendapat haji untuk masuk ke rumah. Dalam adat orang-orang Melayu Brunei, bagi suami isteri yang menunaikan haji bersama, mereka akan disandingkan sebaik sahaja masuk ke dalam rumah. Selepas itu, orang yang baru mendapat haji tersebut diminta membaca doa selamat kerana telah sampai ke tanah air semula. Satu perkara yang jelas, dalam masyarakat Melayu Brunei darjat haji dianggap begitu mulia. Dengan demikian orang yang bergelar haji akan sentiasa dihormati dan diberi keutamaan dalam majlis-majlis keagamaan.

Sebilangan orang Melayu Brunei KSK menghadiri kelas-kelas agama yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Limbang. Kelas agama akan diadakan pada sebelah petang hari Jumaat di Masjid Jamek Bandar Limbang.<sup>42</sup> Guru-guru agama yang mengajar juga terdiri daripada guru-guru dan ustaz-ustaz yang telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Agama Islam Limbang kebiasaannya Imam Masjid dan guru agama di sekolah. Mereka dijemput untuk mengajar pelajaran fardhu Ain, membaca al-Quran, tafsir, Fikih dan Tasawuf. Kelas agama ini turut dihadiri oleh sebilangan orang Melayu

Brunei KABD yang datang berziarah ke rumah saudara-mara mereka di KSK.<sup>43</sup>

### **5.11 AKTIVITI MASA LAPANG**

Pada waktu tidak bekerja, orang-orang Melayu Brunei KSK khususnya golongan dewasa dan tua akan berehat di bahagian serambi atau pantaran rumah. Mereka biasanya ditemani anak-anak, jiran tetangga atau saudara-mara yang datang berkunjung sambil berbual-bual dan bertukar-tukar fikiran. Bagi mereka yang bekerja sebagai nelayan, sambil berehat-rehat mereka akan menjahit pukat yang koyak, memasang tali pukat atau mengganti batu pukat yang rosak.

Kaum ibu turut beristirehat di bahagian serambi atau duduk di anak-anak tangga dengan melakukan aktiviti yang sama. Sebilangan kaum ibu akan menghabiskan masa lapang mereka dengan melakukan aktiviti yang berfaedah. Umpamanya kaum ibu berkumpul dan berbual-bual sambil membersihkan rebung buluh atau sayur-sayuran. Rebung buluh dan sayur-sayuran ini akan dijual kepada peniaga-peniaga di Pasar Tamu Limbang atau kepada orang-orang Melayu Brunei dari KABD yang membeli-belah di pasar tersebut.

Hampir setiap petang anak-anak muda di KSK akan bermain sepak takraw atau badminton. Mereka bermain di gelanggang yang disediakan di kampung air tersebut. Permainan sepak takraw atau badminton turut disertai oleh anak-anak muda dari KABD yang

datang berziarah ke rumah saudara-mara mereka di KSK. Mereka ini tidak kekok walaupun bermain di tempat orang kerana masing-masing mengenali di antara satu sama lain. Setakat ini belum ada pertandingan rasmi sepak takraw atau badminton yang dianjurkan oleh pemuda KSK atau pemuda KABD yang melibatkan perlawanan di antara mereka.<sup>44</sup> Gambar 5.4 menunjukkan anak-anak muda KSK sedang bermain sepak takraw pada waktu petang.

Sebilangan anak muda di KSK mengisi masa lapang mereka dengan mencari daun nipah untuk dijadikan rokok daun. Daun nipah yang telah dibawa balik diceraikan daripada pelepahnya dan dibersihkan. Daun nipah yang telah bersih kemudiannya dijemur selama beberapa hari sehingga benar-benar kering. Daun nipah yang sudah cukup kering dipotong dengan ukuran empat inci. Daun rokok ini dijual kepada orang-orang Melayu Brunei dari KABD pada setiap hari tamu.

Sebagaimana orang-orang Melayu Brunei di KABD, aktiviti sukan memancing (*sport fishing*) merupakan hobi masa lapang yang paling digemari oleh orang-orang Melayu Brunei KSK. Memancing kebiasaan dilakukan pada hujung minggu atau hari-hari kelepasan am. Biasanya mereka akan keluar memancing pada waktu petang dan pulang pada waktu pagi. Mereka memancing di perairan Teluk Brunei dengan menggunakan bot laju. Biasanya mereka akan pergi ke kawasan yang lebih jauh untuk memancing ikan seperti merah

Gambar 5.4: Anak-anak Muda KSK Sedang Bermain Sepak Takraw Di Waktu Petang



(*Lutianus argentimaculatus*), jenahak (*Lutianus johni*), senangin (*Polynemus spp.*) dan lain-lain.

Pada malam minggu, sebilangan kecil anak muda KSK akan ke Bandar Limbang untuk mengunjungi pusat-pusat hiburan seperti pusat *snooker*, *video games* dan *karaoke*.<sup>45</sup> Di pusat-pusat hiburan ini mereka juga dapat bertemu dengan sahabat-handai dari KABD yang datang ke Bandar Limbang untuk berehat sambil berhibur. Selain di atas, anak-anak muda KSK ini gemar bermain judi ketam atau daun terup pada lewat malam minggu bersama rakan sekampung dan juga yang datang dari KABD.<sup>46</sup>

Menurut pihak Jabatan Agama Islam Limbang, bilangan anak-anak muda KSK yang terlibat dengan gejala sosial di atas masih belum dianggap serius dan boleh diselamatkan.<sup>47</sup> Perkara yang membimbangkan adalah pengaruh kemasukan orang-orang Melayu Brunei yang mengunjungi pusat-pusat hiburan di Bandar Limbang telah menggalakkan perkembangan industri berdasarkan maksiat di bandar tersebut. Fenomena ini dikhawatiri akan menarik lebih ramai anak-anak muda dari KSK sama ada lelaki atau perempuan untuk melakukan maksiat.<sup>48</sup>

Pada hujung minggu atau hari-hari cuti, anak-anak gadis KSK yang tidak keluar rumah menghabiskan masa mereka dengan mendengar radio, menonton televisyen dan berkaraoke. Anak-anak gadis ini berkumpul di rumah bersama adik-beradik, rakan-rakan sekampung dan juga saudara-mara dari KABD dengan mengadakan

pertandingan karaoke secara 'suka-suka' di kalangan mereka. Anak-anak gadis ini tidak merasa kekok atau segan untuk memperdengarkan suara mereka sehingga didengar oleh jiran tetangga atau anak-anak muda yang sedang berehat di bahagian pantaran atau titi. Perkara tersebut sudah menjadi lumrah dan diterima oleh masyarakat Melayu Brunei KSK dan juga orang-orang Melayu Brunei KABD. Antara lagu-lagu yang dinyanyikan adalah lagu-lagu penyanyi terkenal masa kini seperti Siti Nurhaliza, Ziana Zain, Erra Fazira dan lain-lain.

Selain anak-anak gadis, berkaraoke pada masa lapang turut dilakukan oleh kaum ibu dan kaum bapa. Semasa berkaraoke, golongan ibu bapa biasanya menyanyikan lagu-lagu berirama Melayu asli yang didendangkan oleh penyanyi-penyanyi lama yang terkenal seperti P. Ramlee, Ahmad Jais, Sharifah Aini dan lain-lain. Lagu-lagu disampaikan secara solo atau berduet bersama ahli keluarga atau sanak saudara. Menurut Hj. Ibrahim Kadir, aktiviti berkaraoke pada masa lapang merupakan satu cara yang boleh mengeratkan hubungan kekeluargaan.<sup>49</sup>

## **5.12 KESAN HUBUNGAN SOSIAL**

Hubungan sosial di antara orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD telah mendatangkan beberapa kesan sampingan. Memandangkan budaya dan cara hidup orang-orang Melayu Brunei KSK sama seperti orang-orang Melayu

Brunei KABD, ini menyebabkan sebilangan besar mereka berada pada identiti yang tidak jelas. Dalam keadaan biasa, orang-orang Melayu Brunei KSK memperlihatkan diri mereka sebagai orang Limbang, tetapi dalam hal-hal tertentu mereka mempamerkan ciri-ciri kebruneiannya.

Orang-orang Melayu Brunei KSK, sebilangan besar mereka akan merasa rendah diri sekiranya tidak memperlihatkan gaya hidup mewah seperti saudara-mara mereka di KABD. Menghadiri majlis perkahwinan, kenduri-kendara, sambutan hari jadi dan lain-lain majlis keramaian merupakan waktu yang paling sesuai untuk mempamerkan perhiasan diri.

Sebuah keluarga itu hanya akan dianggap mewah apabila golongan wanitanya memakai barang-barang kemas yang banyak. Setiap daripada mereka sedaya upaya cuba mengenakan seberapa banyak barang kemas seperti cincin, gelang, rantai leher, subang, gelang kaki dan pakaian yang berharga mahal pada tubuh mereka.

Memakai barang kemas dan pakaian yang mahal menjadi kebanggaan dan kepuasan bagi kaum wanita Melayu Brunei. Gambaran tentang penggunaan barang-barang kemas oleh wanita di kampung-kampung air daerah Limbang dan Lawas dijelaskan oleh Mohammad Raduan Mohd. Ariff:

"Memakai barang kemas keterlaluan adalah satu gaya hidup golongan wanita di kampung air di kedua-dua daerah di atas. Setiap jari tangan (kecuali ibu jari) akan bersarong dengan cincin, gelang akan dipakai hingga menutupi kedua-dua lengan, leher akan bergayutan

dengan tiga hingga tujuh utas rantai emas, telinga akan disubangkan dengan emas dan kaki akan dipakaikan dengan rantai emas berlenceng. Barang-barang kemas tersebut bukan lagi memperlihatkan kecantikan tetapi lebih untuk memperlihatkan kemampuan.<sup>50</sup>

Budaya hidup mewah dan suka berhibur telah menyebabkan berlakunya percampuran bebas di kalangan anak-anak muda lelaki dan perempuan KSK dan KABD. Umpamanya dalam pertandingan karaoke, mereka akan duduk rapat-rapat dan berpegang-pegang tangan. Sambil bergurau senda, sebilangan mereka mengambil kesempatan untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang menjolok mata.<sup>51</sup> Budaya ini sangat bertentangan dengan budaya Islam yang diamalkan oleh orang-orang Melayu Brunei KSK dan lebih-lebih lagi orang-orang Melayu Brunei di KABD yang pada masa kini mempraktikkan konsep MIB.

Kesan hubungan sosial yang wujud seterusnya adalah perasaan ingin berlawan-lawan di antara satu sama lain. Sungguhpun rumah-rumah di KSK dibina rapat-rapat dan bersambung antara satu sama lain, penghuni-penghuninya akan memperkuatkan suara radio, set hi-fi, televisyen dan karaoke yang dimainkan oleh mereka. Bunyi yang kuat bertujuan untuk menunjukkan kemampuan peralatan yang mereka miliki, lagu-lagu dan rancangan-rancangan yang mereka minati. Suasana tersebut tidak menunjukkan perasaan hormat menghormati sesama jiran tetangga tetapi lebih kepada perasaan bangga.

Di kalangan anak-anak muda perasaan ingin berlumba-lumba sering diperlihatkan ketika memandu bot. Mereka akan memecut bot dengan laju walaupun hanya menuju ke destinasi yang dekat. Ada ketikanya mereka memandu dengan gaya yang merbahaya, seberapa boleh mereka cuba memperkuatkan bunyi enjin bot untuk menarik perhatian orang ramai ke arah bot-bot mereka yang dicorak, ditulis dan dicat dengan pelbagai perkataan dan warna.

Gaya hidup mewah orang-orang Melayu Brunei KABD yang menjadi ikutan orang-orang Melayu Brunei di KSK bukan sahaja menyebabkan kecelaruan identiti, malah turut mempengaruhi konsep pengurusan ekonominya. Menurut Pg. Hashim Pg. Metussin,<sup>52</sup> orang-orang Melayu Brunei di KABD tidak cenderung untuk membuat pelaburan di tanah daratan seperti membeli rumah atau tanah. Ini berikutan polisi Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang tidak membenarkan rakyat memiliki tanah. Oleh sebab itu, mereka banyak menghabiskan duit dengan membeli kereta, rumah, barang-barang kemas, pakaian, melancong dan berhibur.

Fenomena di atas turut berlaku kepada orang-orang Melayu Brunei KSK. Sebilangan besar mereka tidak mempunyai tanah hak milik sendiri atau rumah lebih daripada sebuah. Kebanyakan orang Melayu Brunei KSK membuat pelaburan kepada pembelian barang elektrik, perabot rumah, barang-barang kemas dan kerap kali mengubah suai rumah. Dalam pada itu, didapati sebanyak 59.3% ketua keluarga di KSK mempunyai kereta atau van. Ini menunjukan

walaupun mereka tinggal di kampung air dan aktiviti harian mereka lebih banyak bergantung kepada sungai tetapi kereta menjadi satu perkara yang penting dan perlu dimiliki. Kereta-kereta milik orang-orang Melayu Brunei KSK diletakkan di kawasan tempat letak kereta di seberang sungai berhadapan kampung air tersebut. Hal ini ada persamaannya dengan orang-orang Melayu Brunei KABD yang meletakkan kereta mereka di kawasan tempat letak kereta di Bandar Seri Begawan.

### **5.13 KESIMPULAN**

Berdasarkan penjelasan di atas, hubungan sosial di antara orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD dapat dilihat melalui persamaan budaya dan cara hidup yang diamalkan oleh kedua masyarakat tersebut. Ini kerana mereka mempunyai hubungan kekeluargaan sama ada melalui pertalian darah atau perkahwinan. Secara umum, orang-orang Melayu Brunei di KSK mengamalkan adat dan kepercayaan, menggunakan bahasa, menganuti agama serta mempunyai citarasa yang sama seperti saudara-mara mereka di KABD. Persamaan ciri-ciri ini menyebabkan orang-orang Melayu Brunei KSK keliru dan identiti mereka sukar ditentukan.

Orang-orang Melayu Brunei KSK mempraktikkan budaya dan cara hidup yang diamalkan oleh saudara-mara mereka di KABD. Hal ini terjadi kerana mereka merasakan tiada perbezaan di antara

orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD. Secara rasmi mereka adalah warganegara Malaysia, tetapi budaya dan cara hidup mereka lebih mirip kepada orang-orang Melayu Brunei di KABD.

Hubungan persaudaraan di antara orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD dikukuhkan dengan amalan ziarah-menziarahi di antara satu sama lain. Mereka berziarah ke rumah saudara-mara sekurang-kurangnya sebulan sekali. Malahan mereka menginap di rumah saudara-mara semasa berziarah. Menginap di rumah saudara-mara dilakukan hingga beberapa malam terutamanya apabila saudara-mara mengadakan majlis kenduri-kendara, saudara-mara sedang sakit atau kematian ahli keluarga. Semasa berziarah, mereka membawa buah tangan dalam bentuk makanan sebagai tanda ingatan kepada saudara-mara yang dikunjungi.

Selain berziarah ke rumah saudara-mara, orang-orang Melayu Brunei KSK juga kerap berhubung dengan saudara-mara mereka di KABD menggunakan telefon. Dalam hal-hal tertentu surat atau kad dikirim kepada saudara-mara sebagai penghormatan menjemput saudara-mara ke majlis-majlis tertentu, memberi ucapan tahniah atau takziah, atau setidak-tidaknya ucapan selamat semasa menjelang Hari Raya Aidilfitri. Pada masa kini dengan adanya kemudahan internet, sebilangan orang Melayu Brunei KSK berhubung dengan saudara-mara mereka di KABD menggunakan internet.

Selain di atas, penduduk kedua kampung air tersebut juga membuat ucapan selamat dan mengirimkan lagu-lagu permintaan kepada saudara-mara melalui siaran-siaran radio. Pada musim buah-buahan pula, orang-orang Melayu Brunei KSK akan menghantar atau mengirim buah-buahan kepada saudara-mara di KABD sebagai tanda ingatan.

Realiti hubungan sosial di antara orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD dapat dilihat dengan jelas dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan khususnya semasa majlis perkahwinan dan kenduri-kendara. Saudara-mara dari KABD hadir untuk memberi bantuan sama ada dalam bentuk tenaga, wang ringgit atau barang-barang keperluan harian. Hubungan ini masih di peringkat maksima. Orang-orang Melayu Brunei di kedua kampung air di atas mementingkan semangat tolong-menolong walaupun mereka tinggal di lain-lain tempat. Dalam hal ini hubungan antara kedua belah pihak adalah 'bagai kuku dengan isi'.

Hubungan orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu KABD juga dapat dilihat dalam aktiviti keagamaan. Orang-orang Melayu Brunei KSK kerap menghadiri majlis-majlis keagamaan yang dianjurkan oleh orang-orang Melayu Brunei KABD, begitu juga sebaliknya. Ketika saudara-mara hendak menunaikan fardhu haji, mereka akan memberi sumbangan berbentuk wang ringgit. Mereka juga mengiringi bakal haji semasa hendak berangkat ke Mekah dan menyambut kepulangan orang yang menunaikan haji tersebut.

dengan penuh hormat mengikut adat mereka. Dalam masyarakat Melayu Brunei KSK dan KABD, orang yang telah menunaikan haji adalah mulia dan mereka diberi keutamaan dalam setiap aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh penduduk kampung.

Selain kegiatan keagamaan, aktiviti masa lapang orang-orang Melayu Brunei KSK turut menunjukkan hubungannya dengan orang-orang Melayu Brunei KABD. Pada masa lapang, saudara-mara dari KABD yang berkunjung ke KSK akan berbual-bual dengan tuan rumah di bahagian serambi atau pantaran rumah. Sebilangan anak muda lelaki KABD akan menyertai aktiviti permainan yang dilakukan oleh anak-anak muda lelaki KSK sebagaimana yang dapat dilihat dalam permainan sepak takraw. Sementara itu, anak-anak gadis KABD pula menyertai aktiviti permainan yang dilakukan oleh anak-anak gadis KSK seperti yang dapat dilihat dalam aktiviti berkaraoke.

Jalinan hubungan sosial di antara orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD mendatangkan kesan positif dan kesan negatif kepada budaya dan cara hidup orang-orang Melayu Brunei KSK sendiri. Kesan positif dapat dilihat melalui amalan saling hormat-menghormati saudara-mara di antara kedua belah pihak. Mereka sering ziarah menziarahi di antara satu sama lain untuk mengeratkan lagi sillatturahhim kedua belah pihak. Selain itu, budaya kesepakatan dan tolong-menolong begitu jelas dengan adanya bantuan daripada saudara-mara jika berlaku sesuatu kesusahan di pihak yang satu lagi.

Kesan negatif dapat dirasakan apabila sebilangan besar orang-orang Melayu Brunei KSK cuba meniru sepenuhnya gaya hidup mewah saudara-mara mereka yang tinggal di KABD. Hal ini terjadi kerana sikap tidak mahu kalah dan perasaan ingin membuktikan bahawa membuat keputusan untuk tinggal di daerah Limbang bukan merupakan satu kesilapan. Ini kerana mereka masih tetap berjaya dan mampu untuk hidup mewah. Amalan gaya hidup mewah telah menimbulkan perasaan berlawan-lawan atau menunjuk-nunjuk kemampuan masing-masing yang digambarkan melalui pemilikan perkakas dan perabot rumah serta memakai barang kemas yang keterlaluan.

Perkembangan alat-alat hiburan moden juga mewujudkan ciri baru masyarakat Melayu Brunei KSK dan KABD. Orang-orang Melayu Brunei di kedua kampung air tersebut gemar berhibur cara moden khususnya berkaraoke. Ini baik kepada mereka kerana hiburan tersebut dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui pertandingan atau sekadar memenuhi masa lapang. Bagaimanapun kegemaran baru ini mula mengikis minat dan kesenian golongan muda terhadap irama tradisi masyarakat Melayu Brunei di kedua kampung air di atas seperti bermukun, gulingtangan dan diangdangan. Irama tradisi tersebut dahulunya begitu terkenal di seluruh pelusuk rantau Asia Tenggara, kini hanya didendangkan oleh golongan tua. Satu perkara yang jelas, tradisi ini masih dapat

mengeratkan hubungan golongan tua KSK dengan golongan tua KABD.

**NOTA HUJUNG**

<sup>1</sup> Temubual dengan Hj. Abdullah Tangah. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga ikan segar di Pasar Tamu Limbang. Temubual diadakan di gerai menjual ikan milik beliau pada 05 April 2001, jam 9.30 pagi.

<sup>2</sup> Temubual dengan En. Ali Hj Ibrahim. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai nelayan sepenuh masa di kampung air tersebut. Temubual diadakan di rumah beliau pada 21 April 2001, jam 4.30 petang.

<sup>3</sup> Sebagaimana yang dijelaskan dalam bab dua, sekurang-kurangnya terdapat sebuah telefon dipasang pada tiap-tiap rumah di KSK. Pada masa kini jumlah telefon persendirian di daerah Limbang adalah sebanyak 6,440 buah. Sementara itu jumlah telefon awam di daerah Limbang adalah sebanyak 6,621 buah. Sebanyak 161 buah telefon awam telah dipasang di Bandar Limbang dan 20 buah lagi di kawasan kampung. Untuk maklumat lanjut sila rujuk "Profail Daerah Limbang Negeri Sarawak", Pejabat Daerah Limbang, Limbang, 2001, hal. 11.

<sup>4</sup> Temubual dengan Hj. Mohammad Hj. Abu Bakar. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga di Bandar Limbang. Beliau juga mengusahakan tanaman buah-buahan secara sambilan. Temubual diadakan di pejabat beliau pada 22 April 2001, jam 11.30 pagi.

<sup>5</sup> Temubual dengan Hj. Wahab Hj Abu Bakar. Beliau adalah Pengerusi (Walikota) Majlis Daerah Limbang. Beliau berasal dari KSK dan mempunyai ramai saudara-mara yang menetap di KABD. Temubual diadakan di pejabat beliau pada 24 April 2001, jam 3.00 petang.

<sup>6</sup> Temubual dengan Hj. Sabang Abang Hj. Dondang. Pembantu Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak Bahagian Limbang, Limbang. Temubual diadakan di pejabat beliau pada 02 Mei 2001, jam 10.30 pagi.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> Penjelasan lanjut tentang bahasa halus dalam adat perkahwinan orang-orang Melayu Brunei sila lihat, Hj. Osman Hj.

Mohammad Tamin, "Bahasa Dalam Adat Perkahwinan Orang Melayu Brunei", dalam **Beriga**, Bil. 33, Oktober-Disember 1991, hal. 29-30.

<sup>10</sup> Untuk penjelasan yang lebih terperinci sila lihat, Ampuan Hj. Sabtu Ampuan Safiuddin, "Diangdangan", dalam **Budaya Bangsa**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam, 1976, hal. 23.

<sup>11</sup> Untuk penjelasan lanjut sila lihat, Hj. Osman Hj. Mohammad Tamin, Op. Cit., hal. 30.

<sup>12</sup> 'Bunga lapik pinang' merupakan sebuah tepak sirih atau 'tipa' yang berisi kain putih dan sebentuk cincin. Kain putih ini akan dihamparkan di atas katil pengantin pada malam ketiga selepas hari bersanding. Cincin yang dibawa bersama kain tersebut akan menjadi milik 'Pengangun' (Mak Andam). Untuk penjelasan lanjut sila lihat Ibid., hal. 38.

<sup>13</sup> Penjelasan lanjut tentang 'malam masuk babadak' (berbedak) sila lihat, "Majlis Masuk Berbedak", dalam **Beriga**, Bil. 14, Januari-Mac, 1987, hal. 95-96.

<sup>14</sup> Untuk penjelasan lanjut tentang adat basuruh dan adat menghantar tanda tunang sila lihat, Normah Asmad, "Adat Perkahwinan Melayu Brunei Di Sarawak: Satu Kajian Di Limbang", Tesis Sarjana Muda Syariah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Sesi 1991/92, hal. 20-29.

<sup>15</sup> Sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air Di Pulau Borneo: Satu Kajian Perbandingan", Laporan Penyelidikan, Akademik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, November 1998, hal. 119.

<sup>16</sup> Temubual dengan Hj. Matsri Basar. Beliau adalah penduduk tetap kampung air Kampung Bukit Kota, daerah Limbang. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga sayur-sayuran di Pasar Tamu Limbang. Temubual diadakan di gerai menjual sayur-sayuran milik beliau pada 28 April 2001, jam 7.00 pagi.

<sup>17</sup> Temubual dengan Hj. Mall Salleh, Op. Cit. Beliau adalah penduduk tetap kampung air Kampung Pemukat, Limbang. Pada masa kini beliau bekerja sebagai seorang nelayan sepenuh masa. Beliau juga mengusahakan kebun sayur-sayuran secara sambilan. Temubual diadakan di Pasar Tamu Limbang pada 05 April 2001, jam 10.30 pagi.

<sup>18</sup> Gulingtangan terdiri daripada peralatan gong, tawak-tawak, canang dan gendang labek. Gabungan peralatan ini mengeluarkan irama yang menaikkan semangat keperwiraan. Permainan ini tidak disertai dengan sebarang nyanyian. Penjelasan lanjut sila lihat, Normah Asmad, Op. Cit., hal. 36. Lihat juga Mahmud Hj. Bakyr, "Gulingtangan Satu Tinjauan Ringkas", dalam **Iktisar Budaya**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam, 1976, hal. 44.

<sup>19</sup> Diangdangan merupakan sebuah cerita lisan yang panjang, penuh dengan khayalan dan fantasi pencerita. Diangdangan dilakukan oleh ahli-ahli cerita yang mahir dengan diiringi irama tambur dan rebana. Penjelasan lanjut tentang diangdangan sila lihat, Normah Asmad, Op. Cit., hal. 36-39. Lihat juga Ampuan Hj. Sabtu Ampuan Safiuddin, Op. Cit.

<sup>20</sup> Pada hari ini permainan gambus telah diharamkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Sarawak Bahagian Limbang. Ini kerana permainan tersebut dikatakan mengandungi unsur-unsur tasyul yang boleh menyesatkan akidah umat Islam. Selain itu, alunan muzik gambus yang mengasyikkan para pendengarnya boleh mendorong mereka khususnya golongan muda-mudi kepada perbuatan maksiat seperti pergaulan bebas, meminum minuman keras dan melakukan zina. Oleh yang demikian pada masa kini penduduk KSK telah menggantikan permainan gambus dengan pertandingan karaoke yang dilihat lebih baik dan menghiburkan. Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang larangan permainan gambus sila rujuk Hj. Sabang Abang Hj. Dondang, Op. Cit.

<sup>21</sup> Hj. Osman Hj. Mohammad Tamin, Op. Cit., hal. 38.

<sup>22</sup> Temubual dengan En. Awang Yusuf. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau memegang jawatan sebagai Ketua Belia KSK. En. Awang Yusuf bekerja sebagai mekanik di Bandar Limbang. Temubual diadakan di rumah beliau pada 21 Februari 2000, jam 8.00 malam.

<sup>23</sup> Normah Asmad, Op. Cit., hal. 63.

<sup>24</sup> Ibid., hal. 64.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Ibid.

<sup>27</sup> Ibid., hal. 65.

<sup>28</sup> Ibid.

29 Ibid., hal. 65-66.

30 Ibid., hal. 66.

31 Ibid.

32 Mohammad Raduan Mohd. Ariff, Op. Cit., hal. 115.

33 Menurut Hj. Mohiden Japar, tukang mukun biasanya bukan sahaja dipilih daripada kalangan wanita yang pandai bergendang dan berpantun malah mereka mempunyai paras rupa yang cantik dan tubuh badan yang menarik. Ini kerana ciri-ciri tersebut menjadi daya tarikan utama kepada penonton untuk turut serta dalam upacara bermukun. Hj. Mohiden Japar berusia 80 tahun merupakan penduduk tetap KSK. Beliau adalah pesara Majlis Daerah Limbang. Temubual diadakan di rumah beliau pada 09 April 2001, jam 4.30 petang.

34 Untuk keterangan lanjut tentang acara bermukun sila lihat, Maimunah Daud, *Glimpses of Malay Life In Sarawak*, Yayasan Budaya Melayu Sarawak, Kuching, 1999, hal. 75-76.

35 'Hari hol' adalah sebutan orang-orang Melayu Brunei bagi perkataan 'haul' yang bermaksud cukup satu tahun.

36 Bulan Syaaban adalah bulan yang kelapan dalam kalendar Islam. Pada bulan ini kebanyakan umat Islam di Malaysia akan mengadakan majlis kenduri arwah. Di dalam bulan Syaaban, umat Islam bukan sahaja digalakkan berpuasa sunat malah memberi sedekah dan melakukan amal ibadah lain sebagai persiapan untuk menyambut ketibaan bulan Ramadhan (bulan puasa).

37 Set pinggan mangkuk yang digunakan oleh orang-orang Melayu Brunei KSK secara umumnya dibeli dari kedai-kedai menjual pinggan mangkuk yang beroperasi di Bandar Limbang. Antaranya termasuklah *Syarikat Chop Hoe Guan*, *T.L. General Trading* dan *Pasaraya 20 Sen Diskaun*. Sebilangan daripada set pinggan mangkuk tersebut terdiri daripada jenis yang dilimport dari Indonesia, Cina dan Taiwan. Harga bagi setiap set pinggan mangkuk berkenaan dianggarkan antara RM150 hingga RM300.

38 Temubual dengan Hj. Mail Salleh, Op. Cit.

39 Temubual dengan Hj. Sabang Abang Hj. Dondang, Op. Cit.

40 Temubual dengan Hj. Muhammad Hj. Abu Bakar, Op. Cit.

- 41 Temubual dengan Hj. Bongsu Mat Salleh. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai nelayan sepenuh masa. Beliau juga membuat kerja sambilan bertukang rumah di kampung air tersebut. Temubual diadakan di rumah beliau pada 01 Mac 2000, jam 5.30 petang.
- 42 Temubual dengan Hj. Sabang Abang Hj. Dondang, Op. Cit.
- 43 Temubual dengan Hj. Musa Pengarah Hj. Jair. Beliau adalah bekas Ketua Kampung Setia, KABD. Temubual diadakan di rumah beliau di Kampung Burong Lepas Brunei Darussalam pada 03 Mac 2000, jam 11.00 pagi.
- 44 Temubual dengan En. Awang Yusuf, Op. Cit.
- 45 Temubual dengan En. Lamit Sebeli. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai nelayan sepenuh masa. Temubual diadakan di tempat rehat bahagian pantaran rumah beliau pada 01 Mei 2001, jam 9.30 pagi.
- 46 Ibid.
- 47 Temubual dengan Hj. Sabang Abang Hj. Dondang, Op. Cit.
- 48 Ibid.
- 49 Temubual dengan Hj. Ibrahim Kadir. Beliau adalah Ketua Kampung KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai kakitangan kerajaan di Pejabat Daerah Limbang. Beliau juga melakukan aktiviti menangkap ikan secara sambilan. Temubual diadakan di rumah beliau pada 17 April 2001, jam 5.30 petang.
- 50 Mohammad Raduan Mohd. Ariff, Op. Cit., hal. 120.
- 51 Temubual dengan Hj. Musa Pengarah Hj. Jair, Op. Cit.
- 52 Temubual dengan Pengiran Hashim Pengiran Metusin. Beliau adalah bekas penduduk KABD. Pada masa kini beliau telah berpindah ke Taman Perumahan Lambak Kanan Brunei Darussalam. Temubual diadakan di rumah beliau pada 03 April 2000, jam 11.30 pagi.